

ملاک هاری این

JENAYAH

Tipu rentas
negeri untuk
edar dadah

MUKA 9



SMART A+

SPM ENGLISH PAPER 1119 PAPER 1

Teknik menjawab
soalan SPM
English Paper 1119



MUKA 15

NASKHAH PERCUMA

Edisi 26 | 30 November 2020 - 6 Disember 2020 | 14 Rabiulakhir 1442H - 20 Rabiulakhir 1442H | PP 19464/D4/2019/ (035072) | Sejak 1982 | www.melakahariini.my | Melakahariini

ANGKA TERKINI COVID-19
Dikemaskini setakat 27 November 2020, 12 pm

PULIH : 1,148

KES BAHRU : 1,109

KES KEMATIAN : 2

KES KESELURUHAN : 61,861



Foto MR Azli

PENCEMARAN KRITIKAL

BUSUK, berkeladak dan meloyakan. Itulah situasi yang boleh digambarkan dengan keadaan Sungai Punggur Paya Redan di Tiang Dua, Jasin sehingga menyebabkan ratusan penduduk di dua buah kampung sekitar terjejas akibat pencemaran. Ketua Menteri memberi tempoh sehingga akhir Disember ini bagi pihak berkuasa segera menangani pencemaran sungai itu yang terletak berhampiran kawasan kilang ayam dan ladang ternakan lembu. Berita penuh di muka 2 & 3

Sukan MUKA 23

**Korea Selatan
pilihan MU?**



ISU BANJIR

**Kerajaan
negeri tubuh
jawatankuasa**
MUKA 4



TANAH AIR

Tokoh akademik
Prof. Dato' Dr. Ahmad
Murad Merican
menulis untuk MHI



MUKA 17

PENCEMARAN SUNGAI

Ternakan lembu jadi punca?

Mohamad Fazrul Abdul Majid & Faiz Hasan

AYER MOLEK - Derita 10 tahun pencemaran bau dan kualiti air di Sungai Punggur, Ayer Molek, diperlukan berpunca daripada ladang ternakan lembu di Serkam.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Molek Datuk Rahmad Mariman berkata, itu rumusan awal hasil tinjauan dan siasatan yang telah dilaksanakan sejak beberapa bulan lalu bersama agensi terlibat.

Katanya, terdapat kira-kira tujuh ladang ternakan lembu tidak berlesen di kawasan berkenaan yang antaranya dipercayai melepaskan sisa najis haiwan ke parit yang mana seterusnya sisa itu disalur ke anak sungai sebelum mengalir ke Sungai Punggur.

Hasil tindakan tidak bertanggungjawab itu, ujarnya, ia telah memberi kesan kepada ribuan penduduk bukan sahaja di Kampung Paya Redan dan Kampung Seri Mawar, bahkan turut meliputi kawasan Kampung Bukit Nibong, Kambung Tengah, Kampung Bukit Gadong, Kampung Balik Bukit, Kampung Tambak Bugis dan seterusnya ke kawasan laut di sekitar Alai.

"Bau busuk paling ketara boleh dihidu ketika musim panas atau kemarau yang mana kita boleh melihat air sungai bertukar hitam dan berkeping-keping dengan kerak, keladak dan lumpur. Antara punca pencemaran yang dikenal pasti hasil siasatan yang telah dilaksanakan ialah disebabkan oleh ladang ternakan lembu."

"Jadi, saya telah memeriksa kawasan tersebut dan boleh menyimpulkan terdapat kira-kira 1,000 ekor lembu diternak di Serkam iaitu di bawah daerah Jasin namun kita perlu merujuk mereka melepaskan sisa ke sal-



RAHMAD

ran awam hingga memasuki kawasan Melaka Tengah.

"Selain ternakan, kita juga perlu mencemar turut disumbangkan sebuah kilang industri berdekatan. Namun, berdasarkan penilaian, kilang tersebut tidaklah menyumbang begitu banyak kepada isu tersebut mungkin sekitar 10-15 peratus dan kebanyakannya disebabkan oleh ladang ternakan."

"Untuk makluman, isu ini bukan isu baharu, ia sudah berlaku sejak 10 tahun dan tidak dapat diselesaikan. Sebab itulah, saya berusaha untuk menyelesaikannya kali ini dan telah mengadakan mesyuarat kali pertama pada bulan lalu."

"Hasil mesyuarat itu kita mendapati masih ada beberapa isu lagi perlu diselesaikan kerana masalah yang terjadi ini tertakluk kepada enakmen dan undang-undang yang berbagai-bagai," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Oleh sebab itu, menurutnya, perkara tersebut telah dibawa ke pengetahuan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali dan melalui lawatannya ke kawasan berkenaan baru-baru ini, beliau me-



KETUA Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali bersama jabatan terlibat semasa mengadakan lawatan ke Sungai Punggur Paya Redan, baru-baru ini.

minta isu ini diselesaikan dengan kadar segera.

Rahmad berkata, beliau telah diminta untuk mengetuai jawatan kuasa berkenaan dan akan menggerakkan jabatan dan agensi terlibat antaranya Badan Kawal Selia Air (BKSA), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Veterinar, Pejabat Tanah serta pihak berkuasa tempatan (PBT) melalui satu operasi bersepadu.

"Saya percaya dengan gemb�engan segala usaha bersama jabatan dan agensi kita dapat menyelesaikan isu ini dengan segera dan boleh mengenakan apa jua tindakan ke-

pada pengusaha yang tidak bertanggungjawab."

"Buat masa ini kita melihat tindakan yang paling berkesan boleh dikenakan ialah di bawah BKSA yang boleh mengenakan denda sehingga RM250,000 kepada pengusaha kerana melibatkan pencemaran dan selain itu tindakan juga boleh diambil Pejabat Tanah mengenai penyalahgunaan tanah," katanya.

Bagaimanapun Rahmad menjelaskan, tindakan yang mahu diambil bukanlah mahu mendiskriminasikan penternak lembu di negeri ini.

Beliau yang juga Pengurus Jawatankuasa Kesihatan dan Anti

Dadah negeri berkata, pihaknya menyedari kepentingan daging lembu sebagai sumber protein untuk rakyat apatah lagi sepanjang musim pandemik COVID-19 bekalan daging yang diimport berkurangan.

"Kita faham dari segi makanan memang amat diperlukan. Tapi jagalah sedikit sensitiviti masyarakat dan penduduk sekitar supaya tidak melakukan pencemaran. Itu yang paling penting."

"Jangan sampai orang kata, kita ambil untung, orang lain yang terpaksa menanggung akibatnya apabila kaedah penternakan yang sistematis dan betul tidak dilaksanakan," katanya lagi.

'Kerbau pun tak lalu nak berkubang'

"JANGAN kata orang, kerbau pun tak nak mandi di sungai itu!"

Demikian reaksi seorang penduduk di Kampung Seri Mawar, bagi menggambarkan betapa kritisnya masalah yang menyelubungi penduduk mengenai pencemaran bau dan air yang berlaku di kawasan itu.

Abu Bakar Mohamat, 69, juga pemilik kedai di kampung berkenaan jauh berbeza berbanding suasana ketika sejak mula menghuni kampung berkenaan pada 1973.

Jelasnya, ketika itu air sungai berkenaan begitu jernih dan boleh digunakan untuk tujuan mandi-manda dan kegunaan harian.

Namun, masalah mula timbul kira-kira 10 tahun lalu apabila sungai yang pada awalnya jernih mula bertukar



TASLIM



ABU BAKAR

hitam dan mengeluarkan bau yang sangat busuk.

"Macam bau tahi! Jangan kata orang, macam saya cakap kerbau saya sendiri tak nak mandi di sungai dan parit yang ada. Biasa binatang kalau nampak air parit mahu berkubang, tapi di sini ia yang lari."

"Sebab dia tahu air itu berbau tahi. Kita yang duduk sini pun tak boleh tahan bau tersebut. Sekarang musim hu-

jan, memang kurang sikitlah bau, cuba datang waktu musim panas, kamu pun tak boleh tahan," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini.

Nada sama turut diakui seorang lagi penduduk Taslim Selamat, 68 yang adakalanya hidup seakan di dalam penjara apabila terpaksa berkubang di dalam rumah kerana tidak tahan dengan bau busuk yang menusuk dari sungai

yang terletak berhadapan rumahnya.

Justeru, beliau merayu masalah tersebut segera diselesaikan pihak berwajib untuk membolehkan kehidupan mereka kembali seperti biasa.

"Inilah sungai tempat saya mandi-manda, tangkap ikan sejak 37 tahun lalu. Sekarang sungai yang sama membuatkan kami terpaksa tutup pintu dan tingkap rumah kerana membawa bau busuk seakan bau najis."

"Nak cakap apa? Kita tak ada kuasa. Cuma yang boleh kita merayuh. Merayu agar isu ini boleh diselesaikan. Semenara hayat masih ada," ujarnya.

Sementara itu, Pengurus Jawatankuasa Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Paya Redan Mohd Ali Janah Lahuri, 62 meminta agar isu berkenaan akan me-

Foto MR Azli



KONDISI air sungai yang berwarna gelap dipercayai membawa sisa-sisa najis dari ladang ternakan berhampiran.

nemu titik noktah.

Ujarnya, beliau berharap segala usaha yang dilakukan wakil rakyat sekarang Datuk Rahmad Mariman untuk

menyelesaikan masalah tersebut akan berakhir dengan baik dan menggembirakan semua penduduk di kawasan berkenaan.

"Melalui pertemuan dem

pertemuan, saya harap ini pertemuan terakhirlah. Mudah-mudahan ada penyelesaian untuk kali ini."

"Saya berharap ada satu pembaharuan dari segi pentadbiran. Jika pentadbiran itu berjalan dengan baik saya yakin kampung ini boleh kembali damai seperti dahulu," katanya.

BKSA buka kertas siasatan

“BKSA sedang siasat, jangkaan kita memang ternakan lembu tapi keputusan belum muktamad.”

Liana Sahabudin

BADAN Kawal Selia Air (BKSA) membuka kertas siasatan berhubung isu pencemaran air di Sungai Punggur Paya Redan, baru-baru ini.

Pengarah Sumber Air BKSA, Fai-zah Abdul Rahman @ Sulaiman berkata, pencemaran itu dipercayai berpunca daripada ladang ternakan lembu di kawasan berhampiran.


“BKSA sedang siasat, jangkaan kita memang ternakan lembu tapi keputusan belum muktamad.

“Penternak telah di arah membuat kolam enapan dan kita telah buka kertas siasatan, sampel air telah diambil dan diserahkan ke jabatan kimia untuk analisa,” katanya kepada MHI.

Jelasnya, jika sabit kesalahan pesalah akan dikenakan tindakan di bawah Seksyen 39 (a) Enakmen Sumber Air Negeri Melaka Tahun 2014.

“Pesalah juga boleh dikenakan denda RM250,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya.

“Bagaimanapun, keputusan kertas siasatan mengambil masa sedikit kerana perlu mematuhi prosedur yang ditetapkan,” katanya lagi.



MPJ keluarkan notis kepada penternak lembu

MAJLIS Perbandaran Jasin (MPJ) mengeluarkan notis 30 hari kepada penternak lembu di Sungai Punggur Paya Redan berikutan pencemaran sungai yang berlaku, baru-baru ini.

Yang Dipertua, Datin Sapiah Haron berkata, notis itu keluarkan agar penternak haiwan terbabit menghantar permohonan permit bangunan sementara yang dibina di kawasan itu.

“Selepas mengenalpasti

berbeza di kawasan ini.

“MPJ memberi notis 30 hari supaya penternak ini dapat mohon permit bangunan sementara kerana tiada sebarang permit yang diperolehi mereka,” katanya ketika dihubungi MHI.

Jelasnya, pelepasan air serta sisa kumbahan secara terus ke sungai tersebut menjadikan kawasan itu menimbulkan bau busuk dan tidak menyenangkan.

“Sisa-sisa kumbahan terus dilepaskan ke sungai tiada kolam takungan atau kolam en-

dapan, kalau penduduk lalu akan ada bau busuk.

“Ikatkan ternakan di sini

“Setakat ini kilang tersebut mematuhi peraturan JAS, kita telah syaratkan pengusaha (kilang ayam) ini untuk buat kolam endapan dan ‘treatment plan’.

“Kita dapat pencemaran air bukan dari kilang ini, namun dipercayai terdapat (berpunca dari) pengusaha ternakan lembu di kawasan berhampiran,” katanya ketika dihubungi MHI.

dapan, kalau penduduk lalu akan ada bau busuk.

“Ikatkan ternakan di sini

jadi macam ni kita kena semak semula apa masalah tersebut,” katanya.

Sebelum ini Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali mengadakan lawatan ke Sungai Punggur rentetan isu pencemaran itu yang didakwa berpunca daripada pelepasan sisa kumbahan dari ladang ternakan lembu milik persendirian selain ternakan ayam di sebuah kilang berhampiran.

Lawatan itu disertai Datuk Rahmad Mariman serta jabatan-jabatan yang terlibat.



SAPIAH

Kilang proses ayam tidak terlibat - JAS

PENCEMARAN Sungai Punggur Paya Redan tidak membabitkan kilang memproses ayam yang terletak berhampiran sungai tersebut.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Melaka, Rosli Osman berkata, pihaknya telah mengambil sampel air dan keputusan menunjukkan kilang tersebut mematuhi syarat yang ditetapkan JAS.

“Setakat ini kilang tersebut mematuhi peraturan JAS, kita telah syaratkan pengusaha (kilang ayam) ini untuk buat kolam endapan dan ‘treatment plan’.

“Kita dapat pencemaran air bukan dari kilang ini, namun dipercayai terdapat (berpunca dari) pengusaha ternakan lembu di kawasan berhampiran,” katanya ketika dihubungi MHI.

Jelasnya, semasa lawatan tiada sebarang hidupan yang mati cuma sisa kumbahan yang dilepaskan ke sungai itu mengeluarkan bau tidak menyenangkan.

“Setakat ini tiada hidupan yang mati cuma bila penduduk kampung lalu sini mereka akan menghidu bau busuk.

“Jarak rumah penduduk antara kawasan sungai adalah kira-kira satu kilometer, oleh itu

bila air sungai mengalir di kawasan kampung ia menyebabkan bau busuk,” katanya.

Katanya, bagaimanapun JAS melaka akan terus memantau termasuk membuat pengawasan mengambil sampel air setiap tiga bulan sekali.

“Kalau ada aduan kita akan siasat dan pengawasan kualiti sungai kita buat dua bulan sekali,” katanya.

Isu banjir

Kerajaan negeri tubuh jawatankuasa

Faiz Hasan

LENDU – Satu jawatankuasa membabitkan pelbagai agensi akan ditubuhkan bagi menyelesaikan isu banjir kilat berlaku di Masjid Tanah.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md. Ali berkata, sebelum itu satu mesyuarat akan diadakan membabitkan Pejabat Daerah Alor Gajah, Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) serta pelbagai lagi bagi menyelesaikan isu banjir kilat yang menjadi 'fenomena tahunan' itu.

Menurutnya, jawatankuasa yang membabitkan pelbagai agensi terlibat akan ditubuhkan bagi menyelesaikan senario terbabit yang berpunca dari masalah saliran

dan perparitan.

"Perkara ini akan diselesaikan menerusi jawatankuasa terbabit agar mereka perlu mengkaji dengan teliti supaya masalah ini mampu diselesaikan."

"Bagaimanapun peristiwa yang berlaku ini hanya sekadar banjir kilat di mana air melimpah dari sungai sekadar melalui di kawasan ini sahaja."

"Ia bukannya banjir yang teruk berlaku dengan keadaan banjir 'air termenung' seperti fenomena yang berlaku di Durian Tunggal, Tehel dan Merlimau."

"Apa pun kita akan pastikan masalah banjir berlarutan saban tahun ini diselesaikan segera kerana ia hanya berpunca dari sistem saliran, jika

selesai masalah saliran, selepas semua perkara ini," katanya kepada Melaka Hari Ini selepas mengunjungi kawasan yang terjejas akibat banjir kilat di Masjid Tanah pada malam 24 November lepas.

Dalam kunjungan tersebut, ia turut disertai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), Mohd Fadhil Hasan serta jawatankuasa agensi lain dan melakukan perbincangan segera bagi menyelesaikan permasalahan penduduk di kawasan berkenaan.

Sementara itu, menurut Mohd Fadhil, pihaknya akan bersiap siaga dengan sebarang kemungkinan berlaku berhubung kejadian banjir berlaku di daerah itu.



SULAIMAN turun padang bertemu dengan penduduk setempat yang terjejas akibat banjir kilat di Masjid Tanah pada malam 24 November lepas.

Laluan air tersekat punca banjir

Saliawati Salberi

AYER KEROH - Laluan air yang tersekat sehingga menghalang air hujan mengalir ke kolam tadahan dan sungai didakwa antara faktor

berlakunya banjir di beberapa kawasan di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Daerah, Luar Bandar dan Pengurusan Banjir negeri Datuk Seri Utama Idris Haron

berkata, selain daripada faktor cuaca hujan lebat yang berterusan, aliran air yang tidak berjalan lancar juga dikatakan kemungkinan menyebabkan berlakunya banjir terutamanya di kawasan

Bukit Katil dan Tehel, Jasin.

"Ada beberapa kawasan di Bukit Katil yang mungkin disebabkan limpahan hujan yang melampau dan mungkin juga aliran ke kawasan-kawasan takungan air tersekat telah pun menyebabkan banjir di lokasi tersebut kerana pada ketika itu air pasang biasa."

"Antaranya di Paya Dalam paling teruk sehingga Sekolah Kebangsaan (SK) Ayer Molek dijadikan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) selain Tehel juga terkesan teruk," katanya.

Mengulas mengenai Taman Tuah Perdana, Bukit Katil yang pertama kali dilanda banjir pula, beliau berkata, sekiranya taman itu mempunyai kolam tadahan yang kapasitinya besar berkemungkinan juga terdapat laluan air yang tersekat.

"Maknanya kalau ada kolam tadahan banjir dan berfungsi ada laluan-laluan ke kolam itu yang tersekat, secara logiknya bagaimanapun pihak berkaitan



IDRIS

akan mengenal pasti punca sebenar," katanya.

Sementara itu Idris turut memberitahu mangsa banjir di negeri ini akan menerima bantuan wang tunai berjumlah RM500 daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), yang akan diuruskan Angkatan Pertahanan Awam Ma-

laysia (APM).

Beliau berkata, selain bantuan daripada NADMA, kerajaan negeri juga turut menyalurkan bantuan wang tunai berjumlah RM200 kepada mangsa banjir.

"Untuk bantuan daripada NADMA ini, mangsa akan menerima RM500 dan layak untuk sekali sahaja bagaimanapun di bawah kerajaan negeri mangsa banjir layak menerima RM200 setiap tiga bulan sekali."

"Bagaimanapun mangsa banjir ini perlu mengikut prosedur yang ditetapkan untuk membolehkan mereka layak antaranya berdaftar serta perlu membuat laporan polis," katanya.



LALUAN air yang tersekat sehingga menghalang air hujan mengalir ke kolam tadahan dan sungai didakwa antara faktor berlakunya banjir di beberapa kawasan di negeri ini. (Gambar Fail)

MELAKA HARI INI

Pengarang Kanan
MUHD RIZANIZAM ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

LIANA SAHABUDIN
lilyann90@melakahariini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakahariini.my

REKABENTUK & GRAFIK Ketua
HANALIZA JUMINGAN
jotshoot@melakahariini.my

Pengarang
MOHD HAMZATUL AKMAR MD ZAKARIA
yondalime87@melakahariini.my

NURSALIA SALBERI
nur_salberi@melakahariini.my

FARAH SUHAIDAH OTHMAN
farahothman@melakahariini.my

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakahariini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7.zul@melakahariini.my

Penolong Pengarang
AHMAD FUAD RAMDAN
fuadramdan@melakahariini.my

MOHD FAZRUL ABDUL MAJID
fazrul@melakahariini.my

Jurufoto Kanan
AZREN JAMALUDIN
m.azren86@gmail.com

MIMIE AZURA ABU BAKAR
mimieazura1981@melakahariini.my

MUHAMAD AIZAT BAHRUDIN
aizat.syamil65@melakahariini.my

PEMASARAN

Pengurus
MUHAMMAD HAMZI ROSMANI
amz@melakahariini.my
018 - 329 9936

UNIT MEDIA SOSIAL

Eksekutif
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraihanah363@gmail.com

MELAKA TV

Ketua
ASHALIA YUSOF
ashaliayusof@melakahariini.my
Wartawan Penyiaran
MOHAMAD FARIS HAikal
farishhaikal.zakaria@melakahariini.my
Jurukamera
ISMAIL IBRAHIM
dakmail92@melakahariini.my

SITI NAJIHA ABDULLAH
snajihah96@yahoo.com

SHARIFAH NORHALIDAH SYED KHAIDZIR
khaldah@melakahariini.my

Penyunting Video
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakahariini.my

AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI
aufazzati98@melakahariini.my

AMIRUL RAMLI
amirulramli1990@melakahariini.my

NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

"Sudah 57 tahun tidak pernah banjir di sekolah ini, tiba-tiba kali ini banjir hingga lima kaki".

Liana Sahabudin
Foto MR Azli

DURIAN TUNGGAL — Pihak berkenaan perlu membuat Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) sebelum melaksanakan pembangunan supaya tidak mendatangkan mudarat kepada masyarakat.

Menyatakan itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof berkata, ia melibatkan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KeTSA) serta Kementerian Perumahan dan

Buat EIA sebelum rancangan pembangunan

Kerajaan Tempatan (KPKT).

"Saya menyeru kepada KeTSA dan KPKT supaya mengambil perhatian segala bentuk perancangan pembangunan."

"Hari ini Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dilanda banjir setinggi lima kaki, mungkin ia berpunca daripada EIA yang tidak dilakukan sebelum meluluskan sesuatu projek," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan banjir di SKJT di sini, pada 21 November lepas.

Jelasnya, perkara itu akan dibawa kepada kementerian yang dipertanggungjawabkan supaya lebih peka akan segala bentuk rancangan pembangunan.

"Sudah 57 tahun tidak pernah banjir di sekolah ini, tiba-tiba kali ini banjir hingga lima kaki."

"Justeru, secara peribadi saya sumbangkan bantuan kecemasan sebanyak RM20,000 untuk mereka baik pulih sekolah ini termasuk pra sekolah anak-anak di sini," katanya.



ANTARA Sukarelawan melakukan kerja-kerja pembersihan peralatan sekolah yang terjejas akibat banjir di SJKT Durian Tunggal.

MAFI kaji kesihihan jagung ungu mampu cegah kanser

Mohamad Fazrul Abdul Majid

RIM — Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan menjalankan kajian bagi menentukan kesihihan dakwaan yang mengatakan jagung ungu (purple corn) sebagai makanan anti kanser.

Timbalan Menteri MAFI 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, buat masa ini belum ada sebarang penemuan untuk mengesahkan mengenai dakwaan tersebut, namun, pihaknya akan meminta agensi berkaitan termasuk Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk melakukan siasatan terperinci.

Jelasnya, jika kajian menyeluruh telah dilakukan dan mengesahkan mengenai khasiat sebenar jagung ungu, ia akan menjadi satu berita baik bagi industri makanan negara sebagai satu lagi makanan kesihatan yang boleh dikomersialkan.

"InsyaAllah kita akan cuba usahakan untuk melakukan kajian yang mana saya sendiri akan maklumkan kepada jabatan dan MARDI sendiri untuk membuat pengesahan mengenai khasiat jagung purple sebagai makanan anti kanser."

"Jika kita dapatti ia benar-benar mempunyai khasiat tersebut ia akan memberi satu impak sebagai satu makanan kesihatan dan ia berita baik untuk negara."

"Walaupun kita belum mengeksport jagung ungu ini ke luar negara, namun permintaan yang diterima dalam negara sendiri sudah cukup tinggi dan itu menunjukkan potensi besar terhadap tanaman jagung jenis ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan ke ladang jagung seluas 18.6 hektar di Kampung Chinchin, di sini milik pengusaha jagung dari Koperasi Komong.

Hadir sama, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim, Datuk Ghazale Muhamad.

Jelas Ahmad, ladang jagung itu merupakan ladang pertama di Melaka mengusahakan jagung ungu di lot tanah seluas 3.2 hektar.

Selain jagung ungu, ujarnya, pengusaha ladang iaitu Noor Azmi Idris turut mengusahakan tanaman jagung manis sehingga menjadi pengeLuar jagung terbesar di Melaka dan mampu menuai sebanyak 350,000 tongkol jagung pada satu-satu musim.

Justeru, beliau menyeru orang ramai khususnya anak muda di negara ini untuk menjadikan kesungguhan pengusaha jagung berusia 42 tahun di Chinchin itu sebagai suri tauladan yang baik untuk berjaya dalam bidang pertanian.

"Saudara Noor Azmi bermula dari bawah dan kini mampu mengembangkan bidang pertanian sehingga mampu mengusahakan tanaman jagung secara besar-besaran kini."

"Dia adalah antara kebanggaan bagi penduduk Jasin yang mana permintaan jagungnya bukan sahaja untuk pasaran tempatan, bahkan juga dieksport ke luar negara."

"Jadi, saya harap kejayaan itu dapat menarik minat usahawan tanah lain khususnya golongan muda kerana bidang pertanian ini terbukti mampu memberi pulangan yang cukup lumayan," katanya lagi.



KETUA Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali mengadakan lawatan ke Madrasah Tahfiz Dar Mukarrabin di Bukit Seri Kampung Paya Redan, Ayer Molek pada 22 November lepas.

Dalam lawatan tersebut, Sulaiman turut berkesempatan menyampaikan sumbangan kepada pihak pengurusan madrasah tersebut.



AHMAD (tengah) menunjukkan jagung ungu dan jagung manis yang diusahakan Noor Azmi Idris bersama Koperasi Komong di tanah seluas 18.6 hektar.

WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang lelaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.

30 November - 6 Disember 2020 (14 Rabiulakhir 1442H - 20 Rabiulakhir 1442H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
30 NOVEMBER 2020	5.48 am	7.00 am	1.02 pm	4.25 pm	7.01 pm	8.15 pm
1 DISEMBER 2020	5.48 am	7.01 am	1.03 pm	4.26 pm	7.01 pm	8.15 pm
2 DISEMBER 2020	5.48 am	7.01 am	1.03 pm	4.26 pm	7.02 pm	8.16 pm
3 DISEMBER 2020	5.48 am	7.02 am	1.03 pm	4.27 pm	7.02 pm	8.16 pm
4 DISEMBER 2020	5.49 am	7.02 am	1.04 pm	4.27 pm	7.02 pm	8.17 pm
5 DISEMBER 2020	5.49 am	7.03 am	1.04 pm	4.27 pm	7.03 pm	8.17 pm
6 DISEMBER 2020	5.50 am	7.03 am	1.05 pm	4.28 pm	7.03 pm	8.18 pm

Peka di musim banjir

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER MOLEK - "Ibu bapa dinasihati agar lebih peka sepanjang musim banjir bagi mengelakkan berlakunya sebarang kejadian tidak diingini."

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, pergerakan anak-anak antara yang perlu diberi perhatian dan tidak membiarkan anak bermain air banjir yang dikhuatiri boleh mengundang insiden lemas.

Selain itu, katanya, penduduk yang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) juga perlu memastikan rumah sentiasa dikunci dengan baik untuk mengelakkan berlakunya sebarang kes kecurian.

"Dalam musim banjir ini yang pertama tololonglah awasi anak-anak kerana kadang-kadang kita tidak perasan sekejap sahaja tengok anak dah tak ada."

"Jadi, dalam musim ini ibu bapa harus

memberikan lebih perhatian kepada anak-anak untuk mengelakkan kejadian tidak diingini."

"Selain itu, saya juga berharap keluarga yang terkesan dan dipindahkan ke PPS untuk lebih berhati-hati agar tidak berlaku kecurian barang yang ditinggalkan di rumah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan ke PPS pertama dibuka di Melaka Tengah iaitu di Sekolah Kebangsaan (SK) Ayer Molek pada 22 November lepas.

Selain PPS, Sulaiman turut mengadakan lawatan ke kawasan perumahan di Taman Tuah Perdana, Bukit Katil yang pertama kali dinaiki air dalam kejadian yang berlaku pada 21 November.

Sulaiman menzahirkan harapan agar projek tebatan banjir dapat dilaksanakan segera bagi mengatasi masalah banjir yang sering berlaku di negeri ini.



SULAIMAN menyantuni salah sebuah keluarga yang ditempatkan ke PPS di SK Ayer Molek, baru-baru ini.



Rangkuman banjir sekitar Melaka



Kampung Parit Penghulu Benteng, Sungai Rambai
JASIN 25 NOVEMBER 2020. Keadaan kawasan perumahan yang dinaiki air di Kampung Parit Penghulu Benteng, Sungai Rambai. Foto: MR. Azli



Dewan SMK Dang Anum, Merlimau

JASIN 25 NOVEMBER 2020. Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dibuka kepada penduduk yang terjejas akibat banjir di Dewan SMK Dang Anum, Merlimau. Foto: MR. Azli





Tujuh sekeluarga diselamatkan

Din Ahmad

GADEK - Jabatan Bomba dan Penyelamat menyelamatkan tujuh sekeluarga yang terperangkap dalam sebuah rumah dinaiki air di Kampung Gadek, di sini pada 21 November lepas.

Dalam kejadian awal pagi tersebut, tiga lelaki dan empat wanita dewasa berusia antara 22 hingga 60 tahun, diselamatkan anggota bomba selepas menerima panggilan daripada penduduk kampung.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Melaka, Penolong Penguasa Bomba, Soon We Kiang berkata, Balai Bomba dan Penyelamat Alor Gajah menerima panggilan pada jam 8.05 pagi dan tiba di lokasi kejadian pada jam 8.22 pagi.

Operasi menyelamat diikuti Komander Operasi, Pegawai Bomba Kanan (PBK) II Asnizam Kamberon dan PBK II Zul Akhman Othman bersama-sama 19 anggota bomba.

"Pegawai dan anggota bomba menggunakan bot gentian kaca untuk mengangkat semua mangsa keluar dari kediaman itu.

"Mangsa dibawa ke Pusat Penempatan Sementara (PPS) di Balai Raya Kampung Gadek yang sudah disanitasi sebelum mangsa dipindahkan," katanya.

Penduduk kampung, Sulaiman Abdur Jabbar berkata, hujan lebat berterusan menyebabkan sungai di kampung itu melimpah dan mula memasuki rumah penduduk.

"Hujan berhenti sekejap dan kemudian hujan lagi hingga

pagi ini dan saya bersyukur keluarga itu berjaya diselamatkan daripada kejadian tidak diingini," katanya.

Beliau berkata, kampung itu sering dilanda banjir jika hujan lebat berterusan antara dua hingga tiga hari dan kali terakhir banjir sebelum ini adalah pada Januari lalu.

Bagaimanapun, banjir ber-

kenaan tidak menyebabkan se-siapa pun dipindahkan ke PPS kerana air hanya naik dalam tempoh kira-kira dua jam pada sebelah pagi.

Beliau berkata, kampung berkenaan terletak di kawasan rendah dan mudah dinaiki air walaupun hujan hanya antara dua hingga tiga jam pada musim tengkujuh seperti sekarang.

II Hujan berhenti sekejap dan kemudian hujan lagi hingga pagi ini dan saya bersyukur keluarga itu berjaya diselamatkan daripada kejadian tidak diingini. //

ANGGOTA bomba menyelamatkan tujuh sekeluarga yang terperangkap dalam sebuah rumah di Kampung Gadek.



Taman Tuah Perdana, Bukit Katil

KETUA Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali ketika turun padang meninjau kawasan banjir di Taman Tuah Perdana, Bukit Katil, baru-baru ini.



Kampung Parit Penghulu Benteng, Sungai Rambai

JASIN 25 NOVEMBER 2020. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai, Datuk Hasan Rahman (kiri) memberi makan kepada ternakan penduduk kampung ketika meninjau kawasan perumahan penduduk yang dinaiki air Kampung Parit Penghulu Benteng, Sungai Rambai. Foto: MR. Azli



Kampung Kilang Berapi, Merlimau

MUHAMMAD Hafiq Abdul Hamid, 19, (kanan) membantu mengalihi barang ketempat yang tinggi selepas rumah keluarga mereka dinaiki air akibat hujan lebat di Kampung Kilang Berapi, Merlimau. Foto: MR. Azli



Kampung Gadek, Alor Gajah

EXCO Pembangunan Daerah, Luar Bandar, Pengurusan Banjir dan Teknologi Hijau, Datuk Seri Utama Ir. Idris Haron turun padang bagi meninjau keadaan banjir di Gadek pada 21 November lepas.



Melaka Visit Packages 2.0

Dijangka mampu realisasi capai 5.6 juta pelancong

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Pelancaran Kempen Melakan Visit Melaka Packages 2.0 dijangka akan merealisasikan sasaran 5.6 juta pelancong berdasarkan saranan Pertubuhan Pelancongan Dunia (UNTWO).

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, kerajaan negeri merangka pelbagai inisiatif membabitkan pelbagai organisasi terutama Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) serta Zoo Melaka untuk memastikan sasaran itu dicapai.

"Saya yakin, dengan pakej yg ada termasuk pakej 50 peratus serta diskaun penginapan hotel bertaraf lima bintang, saya yakin Melaka boleh mencapai sasaran 5.6 juta."

"Menerusi kiraan terdahulu, kita boleh capai 3 juta lebih, saya ingat sekarang kita sudah dah 4 juta lebih,"

"Tetapi industri pelancongan terberhenti sekejap disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan, kalau kita merancakkan pakej menerusi laman sosial seperti Instagram dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian pada

selepas melancarkan Melakan Visit Packages 2020 2.0 dan Zoo Melaka Tunnel di Zoo Melaka di sini pada 28 November lepas.

Hadir sama, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan negeri, Datuk Muhammad Jailani Khamis dan Yang Dipertua MPHTJ, Datuk Shadan Othman.

Mengulas lanjut, katanya demi merancakkan sektor pelancongan domestik, kerajaan negeri menyediakan pelbagai inisiatif menerusi kempen tersebut sebagai platform untuk mempromosikan negeri bersejarah itu.

Jelasnya, pakej berkenaan sebenarnya khas buat rakyat Melaka dengan memberi peluang kepada pengunjung melawat tempat-tempat menarik dengan kadar diskaun sehingga 50% berbanding harga biasa.

Terdapat juga 18 pengusaha produk-produk pelancongan yang turut serta dalam kempen promosi ini, antaranya; Zoo Melaka, Melaka River Cruise, Ghost Museum Melaka, PERZIM, Mini Malaysia, ASEAN Cultural Park dan banyak lagi.

"Sebagai tambahan, kita (kerajaan negeri) turut melancarkan pakej pelancongan dua hari satu



SULAIMAN bersama Jailani mengambil peluang melihat spesies burung di Zoo Melaka dengan lebih dekat.

malam di lebih 57 premis penginapan pelancong yang terdiri daripada hotel bertaraf lima hingga tiga bintang; hotel bajet; chalet dan resort serta homestay dengan diskaun sehingga 30% yang sah sehingga 28 Februari 2021.

"Selain itu, pakej sukan golf di empat buah pusat golf terkemuka di Melaka juga ditawarkan khas buat

'Golfers' dengan harga bermula RM98," katanya.

Dalam pada itu, Sulaiman berkata Zoo Melaka Tunnel yang dilancarkan itu diberi nafas baharu dengan lukisan mural hasil kerjasama Universiti Multimedia (MMU).

Ujarnya, menerusi kerjasama itu, kerajaan memperuntukkan RM10,000 yang merangkumi baik

pulih kos membaik pulih papan tanda Zoo Melaka Tunnel, kos cat mural, penambahbaikan sudut bergambar serta pembaikan struktur tunnel yang pecah.

Saya yakin, tunnel ini bakal menjadi tarikan baharu di Zoo Melaka sekali gus menjadi pemangkin kepada usaha mempromosikan Melaka menggantik dunia," katanya.

Perkasa pelancongan negeri Pemain industri perlu berganding bahu

Faiz Hasan

AYER KEROH - Pemain industri pelancongan negeri ini perlu bekerjasama antara satu sama lain bagi memperkasa sektor berkenaan pada pasca penularan COVID-19.

Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Sa'ari Basiron berkata, setiap penggiat sektor terba-

bit meliputi pemandu kenderaan, pengusaha hotel termasuk pelancongan luar bandar perlu bersatu padu dan membentuk kerjasama ber-kumpulan bagi membangunkan industri yang terjejas itu.

Menurutnya, perkara terbabit sekali gus menjana pendapatan dalam kalangan penggiat sektor terbabit seiring memperkasa kempen

'Melakan Visit Melaka' yang telah diperkenalkan.

"Bagi memperkasa pelancongan domestik, kempen ini merupakan sebagai permualaan kepada mempromosi pelancongan negeri dan setakat ini hanya 18 produk pelancongan telah menyertai kempen ini yang terdiri dari pada 13 subsektor pelancongan di negeri ini.

Diskusi@MelakaTV yang bertajuk 'Pelancongan Pasca PKPB: Kemana Arah Tuju Melaka?' turut dihadiri panelis daripada Pengurus Persatuan Ejen Pelancongan Dan Pengembaran Malaysia (MATTA), Goh Hock Gin dan Setiausaha Kehormat Persatuan Hotel Bajet Negeri Melaka (MyBHA), Khairul Afnan Zakaria dan Presiden Persatuan Pelancongan Melaka, Madelina Kuah Wey Lee.

Tambah Sa'ari, negeri ini pernah menerima kedadangan pelancongan domestik yang mendadak semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemuliharaan (PKPP) berkuatkuasa sekitar Jun lalu bagaimanapun terkesan dengan pengurangannya sebaik Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuatkuasa di beberapa kawasan termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya serta pelabuhan lagi.

Keadaan ketika itu itu membuatkan sektor terbabit terkesan disebabkan hanya pelancong dari Johor dan negeri di sekitar Pantai Timur sahaja yang berkunjung di negeri ini.

"Hasil daripada masalah

yang melanda, kita memfokuskan pelancongan domestik dari negeri ini dan berharap pemain industri bersedia dan berganding bahu dalam mengorak langkah yang begitu efektif bagi menarik mereka dengan pelbagai tawaran pakej yang menarik," katanya.

Pada masa sama, Presiden Persatuan Pelancongan Melaka, Madelina Kuah Wey Lee berkata, pelbagai pendekatan lain perlu diamalkan bagi memperkasa kempen berkenaan termasuk menggunakan pendekatan 'pelancongan fizikal' kepada pelancong domestik.

Jelasnya, pelancongan fizikal menggunakan lima deria dengan pengamatan, merasai, mendengar dan sebagaimana lagi mampu membawa pengalaman sebenar pelancong.

"Pengalaman yang dide dahukan ini sekali gus membantu pelancong untuk memberi sokongan dalam industri pelancongan 'makan-makan' yang juga sesuai dimasukkan di dalam pakej-pakej menarik."



MELAKA 26 NOVEMBER 2020. (Dari kiri) Moderator, Rizanizam Abdul Hamid, Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Melaka, Sa'ari Basiron, Pengurus Persatuan Ejen Pelancongan Dan Pengembaran Malaysia (MATTA) Melaka, Goh Hock Gin, Setiausaha Kehormat Persatuan Hotel Bajet Negeri Melaka (MyBHA), Khairul Afnan Zakeria dan Presiden Persatuan Pelancongan Melaka, Madelina Kuah Wey Lee hadir pada siaran langsung Diskusi@MelakaTV yang bertajuk Pelancongan Pasca PKPB : Ke Mana Arah Tuju Melaka? Di Hotel Ames, Ayer Keroh. Foto: MR. Azli



SHARUL Lalli (tengah) menunjukkan dadah yang dirampas dalam serbuan di parkir kereta di sebuah hotel di Melaka Raya.

Tipu rentas negeri untuk edar dadah

Farah Suhaidah Othman

BANDA HILIR - Menggunakan alasan melawat orang sakit dengan surat kebenaran Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengaburi pihak berkuasa untuk merentas negeri.

Taktik empat suspek termasuk seorang wanita berstatus janda berusia antara 29 hingga 36 tahun itu bagaimanapun tumpas selepas ditanah bersama dadah jenis syabu bernilai RM80,000 dalam serbuan terhadap dua kereta di tempat parkir sebuah hotel di Melaka Raya, baru-baru ini.

Timbalan Ketua Polis Melaka Datuk Sharul Lalli Masduki berkata, dua suspek lelaki berusia 34 dan 36 tahun ditahan dalam kereta Perodua Axia, manakala dua lagi suspek termasuk wanita masing-masing berusia 36 dan 29 tahun ditahan dalam kereta lain jenis sama.

Katanya, hasil pemeriksaan dalam kedua-dua kenderaan yang disewa kumpulan terbabit, polis menemui dua bungkus ketulan mampat kristal yang dibaluti plastik berwarna hijau kuning tertera tulisan 'Qing Shen Refined Chinese Tea' yang dilakukan dalam plastik berwarna hitam.

"Dalam ketulan mampat itu dipercayai mengandungi dadah jenis syabu (methamphetamine) seberat 2.13 kilogram (kg) yang diletakkan di tempat duduk penumpang belakang di salah sebuah kereta tersebut."

"Hasil serbuan itu turut menemukan satu paket plastik dipercayai dadah jenis sama seberat 3.36 gram diletakkan dalam

kotak rokok.

"Kesemua dadah itu boleh dibekalkan kepada kira-kira 10,000 penagih dan nilai keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai RM80,450," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka Tengah.

Mengulas lanjut, siasatan lanjut mendapat tiga suspek lelaki yang ditahan berasal dari Pahang manakala suspek wanita yang berusia 29 tahun itu berasal dari negeri ini.

"Ketiga-tiga suspek lelaki tersebut menipu untuk merentas negeri dari Pahang dengan menggunakan alasan untuk melawat orang sakit menggunakan borang permohonan rentas negeri dari PDRM."

"Bagaimanapun, belum dapat dipastikan sejak bila ketiga-tiga suspek itu berada di negeri ini dan siasatan lanjut masih diteruskan," katanya.

Menurut Sharul Lalli, siasatan lanjut turut mendapat tiga suspek lelaki mempunyai rekod menjahat lampau membabitkan dadah, manakala suspek wanita tersebut bersabit kesalahan membabitkan penipuan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

"Ujian saringan air kencing mendapat tiga daripada suspek termasuk wanita tersebut positif syabu, manakala seorang lagi negatif," katanya.

Jelasnya, semua suspek direman tujuh hari bermula kelmarin sehingga Isnin bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Pelajar sekolah rugi RM10,540

AYER KEROH – Pelajar sekolah kerugian RM10,540 selepas terpedaya dengan tawaran membeli wang kertas dan syiling lama miliknya berjumlah RM2.05 yang diilangkan melalui laman sosial Instagram.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintenden E. Sundra Rajan berkata, kejadian bermula apabila pemuda berusia 18 tahun itu melayari laman sosial berkenaan semalam.

"Mangsa berkenalan dengan suspek yang mendakwa warga Amerika Syarikat dan merupakan pengumpul wang lama sebelum suspek menawarkan harga tinggi untuk membeli wang kertas dan syiling lama milik mangsa."

"Selepas berbual, mangsa kemudiannya menawarkan untuk menjual wang kertas lama RM2 dan lima keping syiling satu sen miliknya kepada suspek yang kemudiannya bersetuju untuk membeli kesemua wang lama itu pada harga RM50,000," katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Tambahnya, suspek kemudian telah memberi butiran bayaran yang telah dibuatnya kepada mangsa melalui pesanan WhatsApp sebagai bukti.

"Namun tidak lama kemudian, mangsa dihubungi individu tidak dikenali yang mendakwa daripada pihak Bank Negara Malaysia dan memintanya membayar cukai atas transaksi berjumlah RM50,000 berkenaan kerana transaksi dibuat dari luar negara."

"Tanpa membuat apa-apa pertanyaan, mangsa telah melakukan 15 transaksi pembayaran keseluruhan berjumlah RM10,540 ke dalam dua nombor akaun bank yang diberi," katanya.

Sundra Rajan berkata, selepas membuat bayaran barulah mangsa sedar tiada sebarang transaksi masuk wang seperti yang diberitahu suspek ke dalam akaun mangsa.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum penjarahan sehingga lima tahun atau denda atau kedua duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mengulas lanjut beliau menasihatkan orang ramai dinasihatkan supaya berhati-hati dalam dalam melakukan pemindahan wang ke akaun tidak dikenali serta terlebih dahulu menyemak nombor akaun yang meragukan.

"Semakan boleh dibuat melalui laman web <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule/> atau muat turun aplikasi "check scammers ccid" di Playstore supaya dapat mengelakkan diri dari menjadi mangsa penipuan."

"Aplikasi mudah alih ini untuk membolehkan masyarakat semak akaun bank dan nombor telefon yang mempunyai rekod menjahat secara sah," katanya.



SUNDRA

LOKAL KPDNHEP Melaka nafi berlaku kes sorok bawang

Muhibbin Rizanizam Abdul Hamid

PENGKALAN BATU - Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Melaka menafikan berlakunya kejadian sorok bawang yang membawa kepada kenaikan melambung harga bawang India di negeri ini.

Pengarahnya Norena Jaafar berkata, kenaikan harga bawang India itu berpunca daripada kekurangan bekalan ekoran kejadian banjir yang berlaku di India.

Bagaimanapun, menurutnya, pengguna tidak perlu panik kerana masih terdapat banyak bawang yang diimport dari negara lain boleh dibeli dengan harga yang

jauh lebih rendah.

"Kita tahu ramai rakyat Malaysia menggemari bawang India kerana lebih manis dan wangi untuk masakan. Tetapi kita di pihak KPDNHEP mohon agar pengguna bertengang."

"Gunakanlah bawang dari negara lain kerana kita juga mengimpor bawang dari Thailand, Pakistan, China, Myanmar dan Indonesia yang haranya jauh lebih murah," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Menurut Norena, bawang



NORENA

India kini tidak termasuk dalam senarai harga kawalan melainkan ketika musim perayaan sahaja.

Bagaimanapun beliau memberi amaran kepada peniaga dan peruncit untuk tidak mengambil kesempatan dengan menekan pengguna dengan harga jualan yang melampau.

"Jika kita dapat ada peniaga yang meletakkan harga melampau, kita akan ambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan," katanya.



KENAIKAN mendadak harga bawang akan terus dipantau KPDNHEP Melaka.

Taman
Belimbing
Harmoni Durian Tunggal, Melaka

BANTUAN ANSURAN
RM200 SEBULAN
PERCUMA
UNTUK 24 BULAN PERTAMA***

SEDIA
DIDUDUKI
UNIT TERHAD

Taman Perumahan Sederhana Pertama

Yang Mempunyai “**Club House**”

“**Kolam Renang & Gym**”

***PERCUMA** Yuran “CLUB HOUSE”
6 Bulan Pertama



PERCUMA
KOS PERUNDANGAN
UNTUK KOS
SPA & LA

PINJAMAN
PENUH DENGAN
POTENSI
“CASH-BACK”

PERCUMA
DUTI SETEM
(MOT & LA)
“KECUALI KEDAI
PEJABAT
1½ TINGKAT”

RM 1000
YURAN
TEMPAHAN

CCC &
GERAN
INDIVIDU
SUDAH DIPEROLEH



TEMPAHAN DIBUKA SEKARANG !



RUMAH SEMI-D

DARI
RM435,100-00**

36' X 70'

5 BILIK TIDUR
 5 BILIK AIR



RUMAH TERES
2 TINGKAT

DARI
RM353,400-00**

22' X 70'

4 BILIK TIDUR
 3 BILIK AIR




KEDAI PEJABAT
1 ½ TINGKAT

DARI
RM429,000-00

20' X 65'

LUAS TANAH : 1,300 - 1,837 SQF
LUAS BINAAN KEDAI : 2,151 - 3,185 SQF



* Tertakluk Pada Terma & Syarat ** Bumiputera lots *** Rumah Berkembar 2 Tingkat & Rumah Teres 2 Tingkat **** Hanya untuk BSN MyHome-i (Skim Perumahan Belia) sahaja



NOR - **010-432 2108**
FADZIL - **010-270 3832**

HIDAYAH - **017-310 1102**
OTHMAN - **013-365 6185**



SMS REALTY SDN BHD
966511-V

Lot 2855 - 2863 Pinggir TTDI, Jalan Damansara, 60000 Kuala Lumpur
No. Permit Iklan : 19335 - 1/03 = 2020/0232 (P) * No. Lesen Pemaju : 19335 - 1/03 - 2020/0232/L

TEL: 03-7733 1666
FAX: 03-7732 0666



EDISI 30 NOVEMBER 2020 - 6 DISEMBER 2020

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhan mereka serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)



TIMBALAN Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud bersama Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim bertanya khabar salah seorang asnaf di DUN Sungai Rambai.



TITIPAN doa memohon kesihatan asnaf di negeri ini sentiasa dipelihara.

Selami kesusahan asnaf

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

JASIN - Pemantauan secara berturusan dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah banyak mengubah kehidupan asnaf di negeri ini ke arah yang lebih baik khususnya melibatkan aspek kebajikan asnaf.

Bahagian Agihan Zakat bersama Skuad Agihan Zakat Melaka (SAZ) MAIM sentiasa memainkan peranan besar menjalani dan menelusuri kehidupan asnaf serta mereka yang memerlukan.

Juga menjadi tanggungjawab MAIM untuk memastikan penyampaian bantuan dapat disalur tepat ke tangan asnaf serta pemantauan berkenaan dilaksanakan di semua premis

pembekal makanan yang telah dilantik oleh MAIM.

Produk barang makanan asas yang disediakan sama ada yang basah atau kering akan dinilai setiap masa bagi memastikan kualiti dan kebersihan terjamin serta mempunyai sijil halal yang sah daripada agensi berkaitan.

Pemilihan premis yang layak sebagai pembekal makanan juga dititik berat dengan mengambil kira keadaan fizikal kedai serta kualiti barang yang disediakan di samping kedudukan premis yang strategik bagi memudahkan asnaf mendapat bantuan dengan kadar segera.

Penggunaan sistem secara digital melalui penggunaan kad pengenalan asnaf memudahkan lagi proses penghantaran dan pengambilan barang

bantuan berbanding kaedah secara manual menggunakan kupon.

Tahap kebajikan dan kesihatan asnaf menjadi agenda utama MAIM dalam pelaksanaan agihan bantuan terutama pada ketika penularan wabak pandemik Covid-19 di negara ini.

Pendidikan anak-anak turut diberi perhatian demi kelangsungan pembelajaran mereka dan bantuan pakaian sekolah juga merupakan salah satu bentuk bantuan yang disediakan oleh pihak MAIM.

Sumbangan dan bantuan pengajian di peringkat institusi pengajian tinggi turut diberi perhatian dengan memastikan mereka mampu memanfaatkan pengajian serta mampu mengubah kehidupan keluarga dengan lebih baik di masa akan datang.



MAJLIS ringkas serahan sebanyak 59 unit meja dan kerusi pelajar bagi kegunaan pembelajaran di Sekolah Rendah Agama (SRA) JAIM Lendu di Alor Gajah telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka (ZM), Datuk Ibrahim Fadzil baru-baru ini. Serahan berkenaan merupakan kerjasama antara Permodalan Nasional Berhad (PNB) bersama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) bagi kemudahan tambahan sekolah berkenaan mengikuti pembelajaran dan pengajaran yang lebih selesa.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#) Facebook | [facebook/maimmelaka](#)



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

SEKALUNG TAHNIAH...
 Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Setia dan Anugerah Khas Inovasi MAIM kepada pegawai dan kakitangan MAIM baru-baru ini. Penganugerahan ini juga mampu menjadi pemangkin kepada semua kakitangan MAIM untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik demi maslahat umat Islam di negeri ini.



TIMBALAN Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud bersama Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim menyantuni salah seorang kakitangan MAIM yang telah ditimpa musibah banjir di Merlimau.



TIMBALAN Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud menyampaikan cenderahati kepada penceramah jemputan dari Unit Smart Dan Teknologi Hijau, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Melaka, Ts Hafizam Mustaffa sesuai menyampaikan taklimat berkaitan Kesedaran Dan Pelaksanaan Amalan Hijau bersama pegawai dan kakitangan MAIM.





JOM BERWAKAF

"Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat"

Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu **sedekah jariah**, ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya

<https://iwakaf.maim.gov.my>

-Hadith Riwayat Muslim-

Janji Allah itu pasti



Datuk Hj. Ibrahim

Bin Fadzil

Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

PADA tahun ini negara Malaysia bahkan seluruh dunia diuji dengan penyakit berjangkit iaitu penularan pandemik COVID-19. Allah SWT menguji hamba-Nya supaya mengingati segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Setiap apa yang berlaku ada hikmah disebaliknya supaya hamba-Nya bersabar dan tabah menghadapinya.

Janji Allah SWT itu pasti jika hamba-Nya sentiasa mentaati perintah-Nya dengan beriman dan bertaqwa atas segala ibadah yang dilaksanakan semata-mata mendapatkan keredaan daripada Allah SWT. Antara aspek ibadah yang menjaga kemaslahatan ummah dan mendapat ganjaran pahala yang berganda serta rezeki yang melimpah-ruah adalah melaksanakan ibadah zakat, harta yang diperolehi akan bertambah berkat dan subur seterusnya dapat dikongsi bersama-sama mereka yang memerlukan. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam Surah Al-Baqarah ayat 261:

“Antara aspek ibadah yang menjaga kemaslahatan ummah dan mendapat ganjaran pahala yang berganda serta rezeki yang melimpah-ruah adalah melaksanakan ibadah zakat, harta yang diperolehi akan bertambah berkat dan subur seterusnya dapat dikongsi bersama-sama mereka yang memerlukan.”

ibadah zakat, harta yang diperolehi akan bertambah berkat dan subur seterusnya dapat dikongsi bersama-sama mereka yang memerlukan. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam Surah Al-Baqarah ayat 261:

Yang bermaksud: “Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya

pada jalan Allah SWT, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah SWT akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah SWT Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya.”

Justeru itu, sebagai umat Islam yang mengaku dirinya beriman dan ingin mendapatkan keberkatan dan keredaan Allah SWT

serta syafaat daripada Rasullullah SAW di akhirat nanti, maka marilah kita bersama-sama menunaikan kewajipan Zakat Harta ini dengan penuh keikhlasan kerana Allah SWT. In Sya Allah. Mudah-mudahan hidup kita semasa di dunia ini akan dikurniakan kebahagiaan hidup dan selamat di dunia serta di akhirat nanti.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :
Ibu Pejabat, Tel : 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel : 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel : 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel : 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel : 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel : 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel : 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp : Info Pertanyaan Zakat – (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat – (011-58583900)
Laman Web : www.izakat.com

ZAKAT ZAKAT PENDAPATAN

Kaedah 1



**KADAR ZAKAT
2.5%**

CONTOH PENGIRAAN ZAKAT PENDAPATAN

✓ KAEADAH 1 : TANPA PENOLAKAN

2.5% atas jumlah pendapatan kasar setahun

PENDAPATAN

- Gaji sebulan RM 4,000.00 x 12 bulan : = RM 48,000.00
- Elaun sebulan RM 250.00 x 12 bulan : = RM 3,000.00

JUMLAH PENDAPATAN :

$$\text{Kadar Zakat Yang Dikenakan : } \text{RM } 51,000.00 \times 2.5\% \text{ setahun} \\ = \text{RM } 1,275.00 \text{ (Setahun)} \\ = \text{RM } 106.25 \text{ (Sebulan)}$$

**NISAB ZAKAT
TAHUN 2020
RM 15,767.73**



Sila Imbas

www.izakat.com

KIRA ➤ SEMAK ➤ DAFTAR ➤ BAYAR

1-300-88-0233

www.izakat.com

Zakat Melaka

@zakat.melaka

Zakat Melaka

Hanya **2.5%**

Adakalanya Keinsafan Datang Tidak Kira Masa

Beribadah Di Hujung Jari, Layari:



www.izakat.com

1-300-88-0233

Zakat Melaka

ZAKAT ZAKAT PENDAPATAN

Kaedah 2



**KADAR ZAKAT
2.5%**

CONTOH PENGIRAAN ZAKAT PENDAPATAN

✓ KAEADAH 2

Pendapatan setahun ditolak dengan keperluan hidup (asas) setahun

A. PENDAPATAN

- Gaji sebulan RM 4,000.00 x 12 bulan : = RM 48,000.00
- Elaun sebulan RM 250.00 x 12 bulan : = RM 3,000.00

JUMLAH PENDAPATAN :

$$\begin{aligned} &\text{i. Diri sendiri - RM 8,000.00 (setahun)} \\ &\text{ii. Isteri - RM 5,000.00 (setahun)} \\ &\text{iii. Anak - RM1,000.00 seorang (2 Orang x RM 1,000.00) = RM 2,000.00 (langgungan suami)} \end{aligned}$$

- Sumbangan Ibu Bapa (setahun)
 - KWSP / LTAT (11%) (setahun)
 - Takaful (setahun)
 - Lembaga Tabung Haji (setahun)
- JUMLAH PERBELANJAAN

$$\begin{aligned} &\text{iv. } = \text{RM } 1,200.00 \\ &\text{v. } = \text{RM } 5,610.00 \\ &\text{vi. } = \text{RM } 2,000.00 \\ &\text{vii. } = \text{RM } 1,200.00 \\ &\text{viii. } = \text{RM } 21,810.00 \end{aligned}$$

C. JUMLAH YANG LAYAK DIZAKAT (A-B)

Kadar Zakat Yang Dikenakan :

RM 29,190.00 x 2.5% setahun

RM 729.75 / 12 bulan

**NISAB ZAKAT
TAHUN 2020
RM 15,767.73**

**KIRA
SEMAK
DAFTAR
BAYAR**



Sila Imbas

www.izakat.com



PEMANTAUAN dan tinjauan mangsa banjir oleh MAIM Cawangan Jasin di sekitar daerah berkenaan dan turut disampaikan bantuan wang tunai dan kit makanan oleh Pegawai Agihan Zakat daerah Jasin, Norazam Ismail.



KEPRIHATINAN MAIM kepada anak-anak asnaf yang sedang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi disempurnakan dengan penyampaian komputer riba dan kit makanan serta kata-kata semangat daripada Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud bersama pegawai MAIM.



ZIARAH Kasih asnaf dalam daerah Jasin bersama Pegawai Agihan Zakat Daerah Jasin, Norazam Ismail dan menyampaikan sumbangan bagi meringankan beban dalam tempoh kesukaran pandemik wabak Covid-19 ini.

Ke Manakah Wakaf Anda?



Jam Berwakaf

Wakaf Tunai Melaka



Pengambilan/Pembelian Lot Tanah Bagi Tujuan Keagamaan



Pembangunan Hartanah Wakaf



Pembaikan Hartanah Wakaf



Bayaran Wakaf Serendah RM 2.00 Sahaja

Kaedah bayaran #1
MELALUI
POTONGAN GAJI SECARA BULANAN

Kaedah bayaran #2
Download
APPS e-WALLET BOOST

Kaedah bayaran #3
Bayar di Kaunter Wakaf MAIM

Kaedah bayaran #4
MELALUI AKAUN BANK
BANK ISLAM (MAIM)
0401 5010 0174 34

Bahagian Wakaf MAIM : **06-283 7416 / 06-284 9809**



SMART A+

**SOALAN LATIHAN &
TEKNIK MENJAWAB SPM
SUBJEK : BAHASA INGGERIS**

SPM ENGLISH PAPER 1119 PAPER 2

WRITING TIPS

How can you make your writing more coherent?

Many students wish that they could write a good essay, especially in examinations. One essential quality for a good piece of writing is coherence. In essay writing, the flow of ideas from one sentence to the next should be smooth and logical. Without coherence, the reader or examiner may encounter difficulties in understanding the main points that you are trying to make.

To ensure that your paragraphs have unity, there are two things to keep in mind: it must have a single topic (found in the topic sentence or main idea) and sentences (supporting details) that provide more details than the topic sentence, while maintaining the focus on the idea presented. For instance, the paragraph below shows a lack of unity:

Non-cohesive sample:

Dogs are canines that people domesticated a long time ago. Wolves are predecessors of dogs and they help people in a variety of ways. There are various reasons for owning a dog, and the most important is companionship.

Notice that the ideas in the non-cohesive sample are not arranged logically. The sentences are not connected and give the readers new ideas that are not found in the topic sentence. Thus, the paragraph is hard to read, leaving readers confused about the topic. This example, on the other hand, shows unity:

Cohesive sample:

Dogs are canines that people domesticated a long time ago, primarily for practical reasons. Even though dogs descended from wolves, they are tame and can be kept in households. Since they are tame, people have various reasons for owning a dog, such as companionship.

The second example, the cohesive sample, has ideas arranged logically. All ideas in this sample flow from the topic sentence. In addition, they give more details about the topic while maintaining their focus on the topic sentence.

To establish the links that readers need, you can use cohesive devices. They are known as linking words, linkers, connectors, discourse markers or transitional words. We use cohesive devices to link sentences, paragraphs or pieces of text. Readers can follow along the train of thoughts when sentences, ideas and details fit together. In other words, cohesive devices make our content coherent. Nonetheless, overusing cohesive devices or not using them enough might affect the readers negatively.

To establish the links that readers need, you can use the methods listed below. Note that good writers use a combination of these methods. Do not rely on and overuse any single method – especially transitional words.

Here is a list of words and phrases used as cohesive devices:

a) Addition

Coordinator	Paired	Subordinating	Transitions	Prepositional Phrase
and	Both...and		In addition	In addition to
	Not only...but (also)		Furthermore	As well as
	Neither...nor		Besides*	Besides*
			What's more	Apart from
			Also	Aside from
			On top of that	
			Moreover	
			Indeed	

Examples:

- Both/not only proteins and/but also vitamins are essential for small children.
- The film was neither well-made nor well-performed.
- I can play the piano apart from the guitar.

b) Contrast

Coordinator	Paired	Subordinating	Transitions	Prepositional Phrase
But		Although, though	However	Despite
Yet		Even though, much as	Nonetheless	In spite of
		Notwithstanding	Yet, even so	For all
		No matter + question word	Nevertheless	Regardless of
		However + adj./adv.	Still	Notwithstanding
		Adj./adv. + though/as	Notwithstanding	

Examples:

- Although he's very smart, he cannot pass his English class.
- No matter how smart you are, you shouldn't underestimate your opponents.
- He's very smart, he doesn't respect his friends though.
- Regardless of age, anybody can ride this ride.

c) Direct Contrast

Coordinator	Paired	Subordinating	Transitions	Prepositional Phrase
But		While	On the contrary	Unlike
Yet		Whereas	In contrast	In contrast to
			On the other hand	Contrary to
			Conversely	As opposed to
			Contrarily	While / whereas

Examples:

- The winters are very wet here; whereas, the summers are very dry.
- It was very hot yesterday, in contrast, it's very cold today.
- It's cold and windy today, on the other hand, it's not raining.

d) Result

Coordinator	Paired	Subordinating	Transitions	Prepositional Phrase
	So/such ... that		Therefore	As a result of
			As a result of this	As a consequence of
			As a result	
			So, this, hence	
			Consequently	
			As a consequence of this	
			Because of this	
			Accordingly	

Cause		Effect
Man hunting whales in large numbers	Causes leads to	the danger of their becoming extinct
	results in is the result for is responsible for	
Effect		Cause
Whales' facing extinction	is the result of is due to is a consequence of result from	man's hunting them in large numbers



DATUK Dr Sabri
Mohamad Sharif

Memperkasa Melaka sebagai hab pendidikan serantau



MUNGKIN tidak ramai yang tidak perasan atau tahu bahawa, Melaka, sebagai negeri kedua terkecil di Malaysia, mempunyai banyak sejarah gemilang, termasuklah hal tentang perkembangan ketamadunan ilmu dan pendidikan.

Dalam buku The Suma Oriental of Tome Pires misalnya, ada menyatakan; "di pelabuhan Melaka, lazimnya terdapat 84 bahasa diper tuturkan, tiap-tiap satu berlainan."

Malahan, Francis Valentyne seorang sarjana Belanda pula menulis pada tahun 1726 bahawa, "bahasa Melayu adalah bahasa antarabangsa dan barangsiapa yang tidak mengetahui bahasa Melayu, dari Persia di sebelah Barat hingga Filipina di sebelah Timur, maka orang itu dianggap tidak berpelajaran".

Bahkan menurut Profesor Dr Azyumardi Azra dari Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah (UIN), Jakarta pun menyebutkan, kegemilangan Empayar Kesultanan Melayu Melaka silam, tidak hanya perlu disorot daripada sudut perdagangan dan pelabuhan semata-mata, sebaliknya Melaka juga terkenal sebagai pusat pertuturan bahasa dunia, penyebaran tamadun Islam dan pembuanaan ilmu serantau serta dunia.

Kehebatan Melaka sebeginilah yang diimpikan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama (Dr.) Sulaiman Bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka ke-12. Beliau mempunyai agenda besar untuk menjadikan Melaka sebagai hab pendidikan serantau dan dunia, yang berpaksikan kepada kecemerlangan duniawi serta ukhrawai. Mampukah direalisaskan?

KEDUDUKAN UNIVERSITI MALAYSIA DI PERSADA DUNIA

Kedudukan terkini merekodkan, lima universiti penyelidikan Malaysia menunjukkan peningkatan amat membanggakan dengan berada dalam kelompok 200 terbaik dunia dan Top 1% in the World, selain 10 universiti di Malaysia telah tergolong dalam 110 universiti terbaik di Asia, menurut Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings: Asia 2021.

Lima universiti berkenaan adalah, Universiti Malaya (UM) di tangga ke-59 dunia dan 9 di Asia, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada anak tangga ke-132 dan 28 di Asia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada kedudukan 141 dan 35 di Asia, Universiti Sains Malaysia (USM) di tangga ke-142 dan 34 di Asia dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di tangga ke-187 dan 39 di Asia.

Menurut Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, ini adalah pencapaian paling terbaik yang pernah dicapai oleh universiti-universiti awam mahu pun swasta di Malaysia. Ia juga menunjukkan kita berada pada landasan yang betul dalam meletakkan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi di rantau Asia dan bertaraf dunia, yang boleh membantu institusi tempatan untuk bekerjasama dengan penyelidik terkenal dari seluruh dunia.

KELEBIHAN MALAYSIA SEBAGAI PUSAT PENDIDIKAN DUNIA

Semestinya, negara Malaysia mempunyai beberapa kelebihan yang mampu menarik minat pelajar asing untuk menyambung pengajian mereka di negara ini.

Pertama; menurut Washington Accord Standard, Malaysia adalah antara negara yang menyediakan kos perkhidmatan pembelajaran terendah dan kompetitif serta berpatutan, berbanding Singapura, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Kedua; masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, budaya dan agama, berupaya menarik minat pelajar antarabangsa, khususnya dari Timur Tengah, China, India dan Indonesia, untuk menimba ilmu pengetahuan serta kemahiran, selain mempelajari kepelbagaiannya budaya masyarakat di negara ini.

Ketiga; institusi pendidikan Malaysia menyediakan pendidikan berkualiti tinggi, penuh dengan nilai ilmu pengetahuan, adab dan kemahiran terkini, fasiliti serta teknologi termoden, yang bertaraf global.

POTENSI MELAKA MENJADI HAB PENDIDIKAN SERANTAU

Walaupun hanya berkeluasan sekitar 1664 km persegi, namun Melaka mempunyai 46 institusi pendidikan tinggi yang terdiri dari 25 Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan 21 Institut Pengajian Tinggi Awam, yang meliputi universiti, kolej universiti, kolej, institut dan akademi.

Secara puratanya, boleh dikira bagi setiap 37 km, akan ada sebuah pusat pendidikan tinggi dan ini menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri yang tidak asing tentang perkembangan ilmu pengetahuan serta berpotensi besar untuk menjadi hab pendidikan serantau, dan bertaraf antarabangsa.

Kerana itulah, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka ke-12 telah menyatakan komitmen, dengan meletakkan usaha untuk memperhebat institusi pendidikan di negeri ini, agar lebih berkualiti, unik dan bertaraf dunia, sebagai misi keempat daripada lima misi T.E.R.A.S. Kerajaan Negeri Melaka.

Menurut Pengarah Pusat Pembangunan SME Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Dr Mohd Fauzi Mohd Jani, Melaka sebagai sebuah negeri maju dengan persekitaran kondusif, selamat dan bersih, telah menjadikannya sesuai untuk dibangunkan sebagai hab pendidikan negara serta di rantau ini.

Selain menerima kedatangan para pelancong dari seluruh dunia, untuk melihat keunikan sejarah dan kebudayaan serta keindahan negeri Melaka, mereka juga boleh menuntut

ilmu, dengan menyambung pengajian pendidikan di negeri bersejarah ini, yang menyediakan institusi dan pusat pendidikan moden bertaraf dunia.

Melalui kemasukan pelajar domestik dan luar negara, secara tidak langsung akan merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri, selain menjana pendapatan tambahan kepada Melaka.

PENUBUHAN UNIMEL

Kesungguhan Kerajaan Melaka juga turut dilihat dengan inisiatif terkini, apabila menu buhkan sebuah universiti baharu bernama Universiti Melaka (UNIMEL). UNIMEL nanti bakal menggabungkan kesemua institut pengajian tinggi milik Kerajaan Negeri iaitu, Kolej Universiti Islam Melaka dan Melaka International College of Science & Technology (MiCOST) di bawah satu bumbung universiti penuh.

Penubuhan UniMEL ini juga adalah hasil keputusan mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Melaka pada Jun 2020 lalu, bagi menaiktaraf institusi pengajian tinggi, di bawah kerajaan negeri, selain untuk menarik lebih ramai pelajar dari dalam maupun luar negara, bagi melanjutkan pengajian mereka di Bumi Hang Tuah ini.

HAB PENDIDIKAN DI DALAM M-WEZ

Melaka Waterfront Economic Zone atau M-WEZ sedang digerakkan, sebagai koridor baharu yang bakal menjadi game changer dan mercu tanda kepada ekonomi baharu negeri Melaka, pada skala yang lebih besar dan berimpak tinggi.

Menariknya, koridor M-WEZ ini, terdapat cadangan untuk diwujudkan Hab Pendidikan yang terkandung di dalam pembangunannya nanti, mengengahahkan konsep antaranya, educational tourism, inovasi, Industri 4.0, teknologi digital dan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C).

MAJLIS DIGITAL MELAKA

Negeri Melaka juga telah menu buhkan Majlis Digital Melaka (MDM). Penubuhan MDM ini, adalah selari dengan penubuhan Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara di peringkat Persekutuan, yang bertujuan antara lain, untuk mencipta lebih banyak peluang pendapatan dan pekerjaan kepada rakyat Malaysia dalam ekonomi digital.

MDM ini akan berfungsi untuk memberi

khidmat rundingan dan nasihat kepada Kerajaan Melaka dalam hal-hal dasar mahupun polisi pembangunan infrastruktur teknologi digital, untuk merancang strategi yang sesuai, khususnya bagi menarik pelabur domestik serta luar negara, melabur dalam pembangunan ekonomi digital.

MDM ini dijangka bukan sahaja mampu memberi impak positif kepada sektor teknologi dan ekonomi, malah turut membantu pendidikan negara menuju digital sepenuhnya yang akses jaringannya meluas ke serata dunia.

KESIMPULAN

Jelas sekali, pada abad ke-21 ini, cabaran tentang pendidikan semakin mencabar, seiring dengan tuntutan global antaranya ledakan teknologi maklumat, era globalisasi, industri 4.0 dan ekonomi digital serta yang terkini adalah penularan pandemik Covid-19 di seluruh dunia, mengakibatkan berlakunya 'the new norm' dalam kehidupan manusia.

Saidina Ali KW, salah seorang sahabat Banginda Rasulullah S.A.W. pernah berkata, 'Didiklah anak kamu sebagaimana zamannya. Kerana mereka bukan hidup di zamanmu'.

Iktibarnya, sistem pendidikan dan peradaban ilmu, haruslah seiring dengan perkembangan teknologi terkini. Jika tidak, kita akan bakal jauh ketinggalan, terpinggir atau mungkin tidak relevan lagi dengan peredaran zaman kontemporari dan masa depan.

Sebab itulah, keputusan Kerajaan Negeri Melaka untuk memperkasa dan menaiktaraf institusi pendidikan di negeri ini wajar diberi perhatian dan disambut dengan baik.

Bermula usaha untuk menu buhkan UNIMEL, educational hub dalam M-WEZ dan juga Majlis Digital Melaka, dijangka berupaya mencorakkan masa depan yang lebih gemilang, khususnya dalam menjadikan Melaka sebagai sebuah hab pendidikan bertaraf serantau dan dunia.

Bahkan jika tidak keterlaluan, mungkin lebih hebat lagi daripada kegemilangan empayar silam Kesultanan Melayu Melaka. Kita doakan tekad dan impian kudus Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri Melaka akan berjaya direalisasikan bersama. InsyaAllah!

Penulis merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Tun Perak (ITP) merangkap Penasihat Ekonomi dan Inovasi Kepada Ketua Menteri Melaka.

The Tanah Air has always been cosmopolitan



PROF. DATO' DR. AHMAD MURAD MERICAN



THE Malays have two sets of narratives in encounters with the West - one is actual, the other mythical/ metaphysical. Melaka was one of the earliest places of encounters, in both sense of the word, producing the Ferringhis and Rum (Rome). These are popular conceptions of the world, forging our consciousness as a nation.

And so when the Ferringhis arrived at the shores of Melaka, in less than civilized ways, the sight was

familiar. So also with the Belanda. The Melakans and Malays were used to seeing a wide assortment of people. The Europeans to them was just another aspect of that diversity.

The area of land and water where the winds meet - the geographical markers of 'atas angin' (above the wind) and 'bawah angin' (below the wind) have al-

ways evoke the cosmopolitan nature of the Tanah Air. Destined by geography, this part of the world has become the world's biggest and most important archipelago.

The Tanah Air brings together a continuing narrative evoked by maritime and cultural crossroads from much earlier on. The Tanah Air is a larger than life concept. There is a com-

mon history, deep linguistic and cultural roots, and a general awareness of the role of the sea that brings peoples from both the lands above the wind, and the lands below the wind.

In recent times, there is a new wave in the Malay narrative on the archipelago. Not only from the inside, but also from observers external to the Nusantaria, as Philip Bowring describes the rantau in his 2019 book *Empire of the Winds: The Global Role of Asia's Great Archipelago*. To the former journalist, Cambridge University history graduate and student of the history and economy of maritime Asia, Nusantaria expresses the larger region of the Archipelago, not only confined to Nusantara, as commonly understood to refer to what is now the Indonesia islands. Bowring was a familiar figure in Kuala Lumpur in the 1980s, writing about Malaysia and the region in his International Herald Tribune column. I was then a cadet reporter with Bernama, the Malaysian National News Agency.

He uses 'Nusantaria' to denote a broader zone, the single maritime region between the northern entrance to the Melaka and Luzon straits, and the Banda islands in the extreme east of the archipelago.

The narrative on the Tanah Air, while predominantly describing the Malay world, also touches Taiwan and Madagascar, the coastal Thai, Chinese, Tamil and other players in the history of the exchange of goods, peoples and ideas both within the region and with peoples to the west and north-east. Bowring also notes Nusantara's correspondence to the term 'Nusantao' used by the archeologist of Southeast Asia, Wilhelm Solheim. Nusantao refers to the mostly Austronesian-speaking peoples of the ancient trading networks of the islands and coasts, where tao means people in many Austronesia languages.

Many other terms were used by various powers and civilizations. These included the Japanese term

'Tonan Ajiya' which means 'South East Asia,' (used from the late nineteenth century) Cham Sea, Malay Sea, and the Spice Sea. The China seas only came into Western use around 1800. 'South' was added in the early twentieth century. To the Chinese, the region was the 'Nanyang,' meaning the South Seas.


Nevertheless, this region's history is poorly known, more so from within. The Tanah Air was once a connected whole, with a collective memory and a common history. But post colonial states prefer their own identities, where history begins from the moment past midnight of the year of their political liberation.

Geography is lost to Google. Austronesia becomes a meaningless word, notwithstanding it is the first instance of a linguistic marker with shared genetics and cultural characteristics. The Melaka strait was central. Before Melaka, there was Srivijaya, and Kedah and many more. The foreign traffic made the ports cosmopolitan. Melaka's 84 languages were preceded by what was written in Arabic five centuries earlier - that even the parrots in Palembang could speak many languages including Arabic, Persian and Greek.

NEXT WEEK:
**Revisiting and
re-understanding Melaka
as global history.**

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is a Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research and shun (SEARCH) at the De La Salle University, Manila, the Philippines.

SIAM AND THE MALAY ARCHIPELAGO



COVID-19: Jangan paranoid, jangan ambil mudah



bahkan orang lain.

"Kenapa perlu begini? Tidak perlu sebenarnya untuk berasa paranoid atau fobia terhadap COVID-19. Cukuplah mengamalkan disiplin yang ketat dan mengambil langkah-langkah pencegahan seperti yang dikeluarkan KKM," katanya.

Beliau berkata, rakyat seharusnya mengambil iktibar terhadap kes-kes yang telah berlaku sebelum ini dan menjadikan perkara tersebut panduan untuk membantu negara melandaikan semula graf pandemik COVID-19.

Jelasnya, dengan kesedaran yang tinggi daripada setiap rakyat, tidak mustahil untuk Malaysia mengikuti jejak Taiwan yang sudah hampir berjaya menekan penularan pandemik itu dengan berkesan.

"Yang penting, jangan ambil ringan dan jangan terlalu serius. Kita pernah melakukan dengan baik ketika gelombang pertama dahulu dan saya percaya kita boleh melakukannya lagi," ujarnya.

PKP BUKAN JALAN TERBAIK

Meskipun negara pernah berjaya melandaikan graf pada gelombang pertama dahulu melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun Dr. Thanusha tidak melihat pelaksanaan tersebut sebagai jalan terbaik untuk diperlakukan semula pada gelombang ketiga yang sedang berlaku kini.

Menurutnya, jika PKP dilaksanakan semula lebih banyak sektor dan rakyat akan terkesan dengan lebih teruk yang mana ia dikuatir akan menimbulkan lebih banyak permasalahan lain di masa akan datang.

"Pada saya tidak perlu lagi PKP kerana kini kita sudah ada kit ujian

COVID-19 dan majoriti rakyat juga sudah ada kesedaran dan faham langkah-langkah pencegahan yang ditetapkan KKM dan kerajaan.

"Mungkin ada kumpulan kecil yang masih berdegil hingga menceetuskan kluster-kluster baharu, tetapi saya melihat dengan adanya Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kawasan zon merah, semuanya kini masih dalam kawalan."

"Kita tidak mahu lebih banyak sektor terkesan lebih teruk jika dilaksanakan PKP. Apa yang berlaku sekarang pun sudah cukup memberi sengsara kepada ramai orang dan jika ia berlaku lagi saya rasa ia akan lebih memudarati.

"Seperti yang saya katakan awal tadi, disiplin dan tahap kesedaran itu sudah cukup untuk membantu kita melawan pandemik ini," katanya.

VAKSIN HAMPIR DITEMUI?

Berita mengenai penemuan vaksin COVID-19 oleh sebuah syarikat gergasi farmaseutikal dunia, Pfizer yang mendakwa hasil ujian menunjukkan 95 peratus keberkesanan seakan memberi khabar gembira buat rakyat di seluruh dunia.

Tidak cukup dengan itu, laporan terbaru daripada Universiti Oxford dan AstraZeneca Plc turut mengumumkan penghasilan vaksin dengan keberkesaan 99 peratus yang didakwa memberi kesan positif kepada warga emas berusia 60 tahun ke atas.

Namun Dr. Thanusha berpendapat Malaysia masih belum bersedia untuk gembira lebih awal dengan berita-berita tersebut memandangkan vaksin yang dicanangkan itu masih belum terbukti dari aspek keselamatan.

Justeru, katanya, kita perlu menunggu sedikit masa lagi untuk melihat serta memantau keberkesaan



nan vaksin tersebut sebelum dapat mengambil dan menggunakan.

"Kajian itu baru dibuat dalam masa beberapa bulan. Kita perlu meneliti ketepatannya kerana yang paling penting sekarang ialah isu keselamatan. Kita perlu tahu sama ada akan timbul komplikasi daripada penggunaan vaksin tersebut.

"Saya percaya buat masa ini, kita belum bersedia. Tetapi seandainya sudah cukup bukti keberkesannya, barulah kita boleh mengambil langkah seterusnya dan yang paling penting ialah vaksin itu perlulah diambil dengan syarikat yang dipercayai," ujarnya.

Jelasnya, jika vaksin sebenar sudah ditemui dan boleh diberikan kepada orang ramai, ia diyakini mampu menghentikan pandemik berkenaan dan mewujudkan sesuatu yang dipanggil 'Herd Immunity' atau Imuniti Berkelompok.

Jelasnya, imuniti berkempon itu boleh dicapai apabila majoriti komuniti atau kelompok masyarakat diberikan vaksin yang mencegah penyakit berjangkit berkenaan daripada merebak di masa akan datang.

"Kalau ada pun yang terkena jangkitan selepas ini ia mungkin datang daripada kelompok yang tidak menerima vaksin. Jadi, apabila kelompok besar masyarakat sudah di-



PEMAKAIAN pelitup muka dan imbasan suhu antara prosedur wajib bagi membendung pandemik COVID-19 dalam negara.

vaksin, maka penyakit itu tidak boleh lagi menjangkiti mereka dan kalau ada pun ia hanya melibatkan golongan kecil sahaja yang tidak menerima vaksin.

"Apa pun untuk mencapai imuniti berkelompok ini ia akan mengambil masa yang lama," katanya.

TIADA SIAPA TAHU BILA IA AKAN BERAKHIR

Bila COVID-19 akan berakhir? Persoalan itu pastinya sering bermain di minda masyarakat apatah lagi sudah enam bulan terpaksa 'berperang' dengan pandemik yang datang secara tiba-tiba.

Bagaimanapun Dr. Thanusha berkata, tiada siapa dapat memberi jawapan tepat mengenai bila pandemik ini bakal berakhir selagi tiada rawatan atau ubatan khusus untuk menghapuskannya.

"Melihat kepada status sekarang, saya rasa ia mungkin memerlukan masa lebih daripada setahun lagi untuk kita mengakhiri pandemik ini."

"Sukar untuk mengatakan ia akan tamat pada tahun depan (2021), kerana sehingga kini tiada jawapan yang muktamad untuk itu," ujarnya.

Justeru, beliau menyeru semua rakyat untuk terus mengamalkan norma baharu dalam kehidupan untuk mengelakkan daripada negara 'lumpuh' dalam menekan penularan COVID-19.

"Jadikanlah setiap SOP yang ditetapkan seperti memakai pelitup muka dengan betul, mengamalkan penjarakan fizikal, dan sentiasa mencuci tangan sebagai budaya baharu dalam hidup."

"Saya juga meminta semua untuk mengelakkan daripada menertai perhimpunan ramai terutama di tempat sesak dan paling utama pastikan setiap langkah pencegahan dipatuh setiap masa, walau di mana kita berada," katanya lagi.

** Dr. Thanusha Krishnan merupakan Pakar Perubatan Dalaman merangkap Pengurus Jawatankuasa Unit Kawalan Infeksi Putra Specialist Hospital.



ALLAN (duduk, baju ungu) semasa menghadiri majlis perkahwinan Baba Nyonya.



ALLAN semasa menghadiri majlis rasmi kerajaan negeri.

Tradisi Baba Nyonya tidak dilupakan

Liana Sahabudin

BABA Nyonya atau kaum Peranakan cina wujud apabila adanya perkahwinan campur antara pedagang dari China bersama gadis tempatan Melaka ketika dahulu.

Hasil perkahwinan ini lahirnya keturunan baba dan nyonya di mana anak lelaki digelar Baba dan anak perempuan digelar Nyonya.

Anak peranakan Melaka, Allan Wan Lai yuan berkata, kebudayaan mereka yang berasal daripada warisan tradisi Cina, mempunyai unsur-unsur pengaruh kebudayaan tempatan.

"Di Melaka lebih 60 peratus tradisi dan budaya Baba Nyonya diamalkan mengikut gaya hidup tempatan orang dahulu dan 40 peratus pula mengikut cara hidup orang Cina dahulu."

"Hingga hari ini kaum peranakan ini masih ada yang menjadikan amalan dan pegangan masyarakat Melayu dahulu dalam kehidupan sehari-hari mereka," katanya kepada MHI.

Menurutnya, pelbagai keunikan terdapat pada golongan ini termasuk dari segi pemakaian, masakan, percakapan dan pantun yang dilontarkan.

"Lebih unik, pakaian nyonya serupa dengan tradisi tempatan iaitu baju panjang kemudiannya kepada kebaya nyonya moden dan kain batik serta kerongsang, manakala baba memakai baju Cina."

Terdapat juga kasut manik ialah alas kaki buatan tangan yang memerlukan kemahiran dan kesabarannya tinggi untuk menghasilkan-

nya.

"Masakan kaum peranakan ini unik seakan masakan Melayu, dengan penggunaan bahan-bahan tempatan cara masakan Cina seperti ayam pongteh, ayam buah keluak, sambal bendi, telur cencaluk dan banyak lagi," katanya.

Allan berkata, sebagai anak peranakan di Melaka dia berharap supaya masyarakat ini dapat diketengahkan pada masa akan datang.

"Ini termasuklah dari segi seni budaya seperti nyanyian dondong sayang, video perwatakan celoteh bibik dilakukan sendiri sebagai bibik 'Huat Neo'.

"Saya bawa watak bibik bukan untuk suka-suka, tapi satu usaha yang boleh mengingatkan kembali masyarakat tentang keturunan Baba Nyonya Melaka."

"Justeru, saya harap anak muda keturunan peranakan hari ini boleh mengekalkan tradisi nenek moyang kita sejak dahulu," katanya.

SEJARAH BABA NYONYA

Kebanyakan anak-anak Baba dibesarkan mengikut cara hidup dan upacara-upacara agama orang Cina yang diubah kepada unsur kemelayuan serta unsur-unsur tempatan yang lain.

Pada kurun ke-15, wilayah-wilayah kepulauan Melayu selalu memberi penghormatan kepada pelbagai kerajaan seperti Negara Cina dan Siam.

Hubungan diplomatik yang erat dibina sejak kurun ke-15, semasa pemerintahan Parameswara apabila Laksamana Cheng Ho seorang Cina Muslim melawat Melaka.

Menurut penerangan tradisional pada 1459, Raja Cina telah menghantar Puteri Hang Li Po kepada Sultan Melaka sebagai satu tanda penghargaan kepada penghormatannya.

Pengikut-pengikut puteri tinggal di Bukit Cina pada mulanya dan akhirnya lahir kaum Peranakan.

Peranakan mengekalkan budaya dan kepercayaan nenek moyang mereka, tetapi bahasa dan budaya Melayu tempatan telah diterapkan.

Mereka membina budaya pemakanan yang unik, banyak sumber memberi tuntutan bahawa peranakan adalah hasil perkahwinan campur dengan orang tempatan dahulu.

|| Di Melaka lebih 60 peratus tradisi dan budaya Baba Nyonya diamalkan mengikut gaya hidup tempatan orang dahulu dan 40 peratus pula mengikut cara hidup orang Cina dahulu. ||



ALLAN semasa membuat pementasan memegang watak bibik 'Huat Neo'.



ALLAN bersama pelakon veteran Datuk Jalaluddin Hassan.

Lapan tahun bina empayar

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BUKAN keputusan mudah untuk meninggalkan kerjaya tetap sebagai doktor gigi di hospital kerajaan dan beralih arah membuka klinik pergigian sendiri.

Namun risiko itu diambil Dr. Sharlinda Md Kassim apabila mengambil keputusan tersebut pada 2012 dan akhirnya kini berjaya memiliki empat cawangan klinik gigi di Melaka.

Dr. Sharlinda, anak jati Melaka mengakui pada awalnya bukan mudah untuk mengambil keputusan tersebut, apatah lagi boleh dikatakan masih kosong dalam bidang perniagaan.

Namun, dia menjadikan setiap harinya sebagai medan pembelajaran dan dari saat itu dia mula bertambah menimba ilmu sedikit demi sedikit sehingga berupaya memacu perniagaannya sehingga ke tahap yang ada sekarang.

"Masa mula-mula saya banyak cari maklumat dan buat bermacam-macam survey untuk membuka perniagaan. Alhamdulillah, pada masa itu banyak badan-badan kerajaan dan bank usahawan yang dapat membantu saya memulakan perniagaan."

"Selain itu, saya juga banyak belajar selok-belok klinik swasta sewaktu saya lokum di klinik swasta dan dari situ saya timba ilmu, selain saya juga banyak bertanya dengan bahagian pergigian Negeri Melaka bagaimana untuk membuka klinik gigi sendiri dan di mana mahu cari peralatan dengan harga yang betul."

"Bila niat dan tekad itu sudah ada, saya minta restu kedua orang tua saya dan berkat doa serta sokongan mereka akhirnya saya berjaya sampai ke tahap yang ada sekarang," katanya kepada Melaka Hari Ini.

LEBAR SAYAP

Menurutnya, kini Klinik Pergigian Sharlinda sudah mempunyai empat cawangan iaitu di Bukit Baru (ibu pejabat), MTC Ayer Keroh, Alor Gajah dan yang terbaru di Bukit Beruang iaitu penjenamaan semula daripada nama lamanya MyGigi.

Dr. Sharlinda berkata, antara perkhid-



DR. SHARLINDAH

matan yang disediakan di kliniknya ialah rawatan am seperti 'scalling', tampilan, cabutan gigi dan juga rawatan estetik seperti veneer dan crown.

Selain itu, kliniknya turut menyediakan perkhidmatan pemasangan 'braces', implan dan pembedahan gigi bongsu.

"Kebanyakan perkhidmatan kita tawarkan dengan harga yang mengikut standard Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Menariknya, bagi pemasangan braces kami turut menyediakan 'braces value plan' iaitu pelan pembayaran ansuran mudah kepada pelanggan. Memandangkan kosnya yang tinggi iaitu sekitar RM5,000 ke RM7,000, pelan pembayaran ini boleh membantu pelanggan.

"Bagaimanapun, jika ada pelanggan yang mampu untuk membayar kos penuh, kita akan beri diskon kepada mereka," katanya.

KLINIK MESRA PELANGGAN

Berbeza dengan kebanyakan klinik gigi yang biasanya memilih lokasi di tingkat atas bangunan kedai, Klinik Pergigian Sharlin dah



KLINIK Pergigian Sharlinda Bukit Baru.

mengambil pendekatan berbeza dan memiliki ruang bawah (ground floor) untuk kesemua cawangannya.

Jelas Dr. Sharlinda, pemilihan itu adalah untuk memudahkan akses kepada pelanggannya terutama kepada warga emas, kanak-kanak dan orang kelainan upaya (OKU).

Selain itu, katanya, klinik miliknya turut menyediakan diskon sehingga 50 peratus kepada OKU selain turut memberikan perkhidmatan pemeriksaan gigi percuma kepada ibu mengandung.

"Ada masa-masa tertentu juga kita kerap mengadakan promosi pemeriksaan percuma kepada warga Melaka. Kebiasaan kos pemeriksaan sekitar RM20 ke RM30, namun kita beri percuma pada waktu-waktu terpilih. Itu sebagai tanda menunjukkan kita prihatin

“Saya juga banyak belajar selok-belok klinik swasta sewaktu saya lokum di klinik swasta dan dari situ saya timba ilmu, selain saya juga banyak bertanya dengan bahagian pergigian Negeri Melaka bagaimana untuk membuka klinik gigi sendiri dan di mana mahu cari peralatan dengan harga yang betul”

dan cara kita menghargai pelanggan,” katanya.

Dalam pada itu, kliniknya turut menjadi klinik mesra kanak-kanak dengan menyediakan ruang permainan khas di klinik selain turut mempunyai cara tersendiri untuk menghilangkan ketakutan kanak-kanak terhadap klinik gigi.

"Pendekatan kita untuk menghilangkan ketakutan ialah dengan menggunakan bahasa kanak-kanak dan kebiasaan kita akan ambil hati kanak-kanak dahulu dan membina kepercayaan dengan mereka."

"Biasanya di pertemuan pertama kita tidak akan cabut kerana kita tidak mahu kanak-kanak berasa trauma. Bila dah yakin, barulah kita akan membuat rawatan yang diperlukan dan pada masa itu, mereka tidak akan takut lagi dengan kita," katanya.

AKTIF KHIDMAT KEMASYARAKATAN

Bukan sekadar klinik gigi biasa, Klinik Pergigian Sharlinda turut kerap menjalankan projek tanggungjawab sosial korporat (SCR) termasuklah memberi pendidikan mengenai kesihatan pergigian di sekolah-sekolah dan tadika.

Selain itu, pihaknya turut menjalankan kempen bebas kaviti di cawangan Bukit Beruang yang mana kempen tersebut memberikan promosi harga istimewa kepada dua pelanggan untuk melakukan 'scalling' gigi.

Yang terbaharu Dr. Sharlinda memaklumkan, pihaknya turut aktif mengedarkan 10,000 pelitup muka kepada warga Melaka di kesemua cawangan kliniknya sebagai tanda prihatin terhadap pandemik COVID-19 yang masih menular dalam negara.

"Bukan sahaja kepada pelanggan, malah orang ramai juga boleh datang ke Klinik Pergigian Sharlinda terutamanya di cawangan Ayer Keroh dan Bukit Beruang," ujarnya.



PELBAGAI khidmat rawatan pergigian disediakan.



JOHARI Jalil, 42, (dua dari kiri) disambut ibunya, Rosnah Rabu, 60, (kiri) dan rakannya Khairul Azmi Mohd Adnan, 37, (dua dari kanan) disambut isterinya Norasikin Abd Wahid, 37, (kanan) selepas selamat tiba di Jeti Nelayan Pengkalan Lambak, Sungai Rambai akibat terkandas di tengah lautan mencari kupang liar untuk dijual.

Bakar seluar tarik perhatian

Muhd Rizanizam
Foto MR. Azli

SUNGAI RAMBAI – "Malam tadi, angin amat kuat dan ketika itu kami hanya berserah kepada Allah agar menyelamatkan bot dari hanyut lebih jauh."

"Malah, saya cuba ikhtiar dengan memotong separuh sebelum membakarnya untuk menarik perhatian orang namun hampa."

Demikian kata Johari Jalil, 42, menceritakan semula detik cemas dihadapinya bersama rakan, Khairul Azmi Mohd. Adnan, 37, yang ditemui selamat selepas lebih 15 jam hanyut akibat enjin bot dinaiki mengalami kerosakan di perairan Sebatu, Sungai Rambai, di sini baru-baru ini.

Menurut Johari, dia dan Khairul Azmi keluar menangkap kupang sejak jam 3 petang 23 November lepas sebelum bersedia untuk pulang ke jeti kira-kira tiga jam kemudian.

"Bagaimanapun pada pukul 6 petang, tiba-tiba enjin bot gagal dihidupkan menyebabkan bot kami dihanyutkan semula ke tengah lautan. Waktu itu, hari sudah lewat petang dan kami tidak membawa sebarang makanan kerana hanya bercadang ke laut untuk tiga jam."

"Kebetulan pula, kedua-dua telefon kami kehabisan bateri menyebabkan saya terpaksa membakar sebahagian seluar untuk menarik perhatian. Selepas usaha itu tidak berjaya, kami hanya mampu berdoa diajukan dari musibah sehingga hari cerah," katanya ketika ditemui media.

Sementara itu Khairul Azmi berkata, dia pernah melalui pengalaman sama sebelum ini namun peristiwa semalam lebih getir kerana kedudukan ditengah laut yang jauh dari daratan.

"Sebelum ini bot saya pernah tenggelam tetapi tidak jauh dari darat dan masih mampu berenang menyelamatkan

diri, tapi semalam kalau berlaku sesuatu yang buruk agak mustahil untuk kami berenang kerana kedudukannya yang sangat jauh dari daratan."

"Muujurlah semalam (23 November) tidak hujan sepanjang 15 jam kami tersatui, cuma angin yang sangat kuat seperti ribut dalam tempoh beberapa jam sebelum ia mulai perlakan," katanya.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Merlimau, Penolong Pengguna Bomba (PPgB) Mohd. Faisal Fuad dalam pada itu berkata, seramai sembilan anggota bersama agensi lain digerakkan untuk mencari kedua-dua mangsa sebaik laporan diterima.

"Kedua-dua mereka ditemukan selamat dan tidak mengalami apa-apa kecederaan kira-kira enam kilometer dari kawasan darat dan dibawa balik ke Jeti Sungai Rambai oleh pasukan bomba sambil dibantu nelayan tempatan," katanya.



ANGGOTA Bomba menyelamatkan mangsa selepas terjatuh ke dalam tali air di Kampung Gangsa, baru-baru ini.

Penunggang Grabfood 'hanyut' satu kilometer

Saliawati Salberi

DURIAN TUNGGAL - Seorang penghantar makanan berdepan detik mencemaskan apabila hanyut kira-kira satu kilometer selepas terjatuh ke dalam tali air di Kampung Gangsa, di sini, baru-baru ini.

Kejadian dikatakan berlaku ketika pemuda berkenaan dalam perjalanan membuat penghantaran makanan yang ditempatkan menggunakan aplikasi dalam talian.

Menurut pemuda terbabit, Muaz Razali, 25, berkata, ketika membuat penghantaran makanan dia menggunakan sistem pengesahan lokasi (GPS) sebagai penunjuk arah sebelum tiba-tiba terbabs.

Katanya, keadaan cuaca ketika itu amat gelap se lain terdapat limpahan air di atas jalan.

"Awalnya saya ingatkan kawasan itu hanya dilanda banjir yang cetek namun tiba-tiba air semakin dalam sebelum terbabas lalu dibawa arus ke tali air."

"Sebaik terjatuh saya cuba untuk bangun namun tidak boleh berbuat demikian kerana arus deras. Muujurlah ketika itu saya tidak panik lalu menghubungi talian kecemasan," katanya.

Menurutnya yang mula bekerja sebagai penghantar makanan sejak awal tahun ini berkata, kira-kira 30 minit dia berendam di dalam tali air bersama puuhan ekor lintah sebelum pasukan bomba tiba.

"Situasi ketika itu amat mencemaskan selain saya turut terfikir sekiranya ada haiwan berbisa lain seperti luar."

"Selepas diselamatkan saya naik ke darat dan mendapat badan dipenuhi lintah sehingga bomba turut tolong membuangnya," katanya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Ayer Keroh Penolong Pengguna Bomba Mohd Hamdan Sudin berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan sebelum sepasukan anggota termasuk Komander Operasi Pengguna Bomba Kanan II, Muhd Asraf Abdullah bergergas ke lokasi kejadian.

"Lokasi kejadian dipenuhi air hingga ke jalan utama dan anggota bomba terpaksa meranduk ke kawasan itu untuk pergi mendapatkan mangsa sejauh kira-kira satu kilometer."

"Mangsa bersama motosikalnya berjaya diselamatkan selain dia tidak mengalami kecederaan se riut," katanya.

Banjir beri rezeki tambahan

Din Ahmad

DURIAN TUNGGAL - Banjir menguji anggota komuniti yang kediaman dan kendaraan mereka ditenggelami air tetapi dari aspek yang lain, memberikan rezeki tambahan.

Banjir di Durian Tunggal baru-baru ini memberikan rezeki tambahan kepada mangsa banjir dan anggota komuniti yang tidak terbabit dalam banjir apabila memperoleh ikan yang bagaikan rezeki datang bergolak.

Menggunakan jala, jaring dan joran, mereka mencuba nasib menangkap ikan air tawar seperti haruan, keli, sepat, puyu, sebaru dan seumpamanya dengan menjadikan kawasan dinaiki air sebagai tempat operasi.

Azhar Abdullah berkata, dia bersyukur kerana dalam tempoh kira-kira sejam menjala, sudah memperoleh pelbagai jenis ikan seberat kira-kira lima kilogram (kg) untuk dijadikan juadah keluarga.

"Saya mula menjala dari jam 8 pagi dan sejam kemudian sudah dapat lima kg ikan puyu, sepat, keli Afrika dan haruan yang amat sedap jika dimasak

asam pedas atau masak lemak cili padi.

"Ini adalah rezeki yang bukan selalu boleh diperoleh, sebaliknya hanya pada musim banjir," katanya ketika ditemui di Kampung Pulau, Durian Tunggal baru-baru ini.

Rohaizad Ismail, 35, berkata beliau amat berpuas hati dengan seekor ikan keli Afrika seberat kira-kira tiga kg yang terperangkap pada jalanya.

"Ikan sebesar itu agak kecil isinya dan cara untuk melembutkan dagingnya adalah dengan disalai terlebih dahulu sama ada untuk dimasak atau

dimakan begitu sahaja," katanya.

Liza Ahmad, berkata beliau mencuba memancing dengan menggunakan umpan cengkerik dan bernasib baik kerana memperoleh ikan betuk, tilapia dan haruan selepas memancing kira-kira sejam.

"Alhamdulillah, saya tidak bercadang menjual ikan itu, sebaliknya akan memasaknya untuk hidangan keluarga," katanya di Kampung Belimbang Dalam, Durian Tunggal.

Norasita Dewa, 50, berkata beliau berpuas hati dengan hasil diperoleh selepas dua jam memancing den-

gan mendapat ikan haruan, keli dan tilapia.

Tinjauan di pekan Durian Tunggal mendapati orang ramai memenuhi sebatang sungai di tengah pekan itu untuk memancing pelbagai jenis ikan, terutama betuk.

Kebanyakan mereka mampu memastikan plastik bersar mampu diisip dengan pelbagai jenis ikan seperti sepat, keli, haruan, lam-pam dan sebarau.



ROHAIZAD mempamerkan ikan keli Afrika yang dijala.



AZHAR (kanan) dan Rohaizad bersyukur dengan ikan yang dijala di kawasan dilanda banjir di Kampung Pulau, Durian Tunggal.

Hotel Semabok Inn tawar pakej 'Kaki Makan Food Trail'

|| Lokasi Hotel Semabok Inn yang kurang menjadi tumpuan dan kesesakan orang ramai penting buat pelancong yang mengutamakan kedamaian bagi mengelakkan percutian mereka terganggu. ||

FAIZ HASAN

SEBENARNYA masih ada lokasi khusus buat yang ingin melancong dan menetap di Melaka bersesuaian bagi pelancong yang mempunyai misi ke negeri ini untuk menikmati lokasi makan-makan tanpa dibelenggu kesesakan lalu lintas dan kepesatan manusia.

Lokasi penginapan yang ditawarkan Hotel Semabok Inn semestinya menjadi pilihan pelancong di Melaka yang mementingkan konsep kedamaian itu malah ramai yang tidak mengetahui lokasi strategik itu juga dikelilingi pelbagai tempat menarik untuk dikunjungi.

Bagi 'pemburu' makanan menarik di Melaka, Hotel Semabok Inn bersesuaian dengan konsep yang ditawarkan dan dikelilingi lebih 10 lokasi makanan menarik yang juga merupakan permata tersembunyi yang kurang diketahui umum bagaimanapun setanding dengan makanan tular di Melaka.

Pengurusnya, Celine Tiu berkata, pihaknya mengambil inisiatif menawarkan pakej 'Kaki Makan Food Trail' di hotelnya itu bagi memudahkan perjalanan pelancong mengakses beberapa lokasi di kawasan itu.

Dengan tawaran pakej 'Deluxe Twin Room' pelancong ditawarkan dengan harga RM55 untuk satu malam di hotel tersebut.

"Nilai kadar harga terendah itu juga pelancong boleh memilih pilihan lain iaitu dengan hanya mem-



CELINE TIU


bayar RM95 mereka boleh menginap selama dua malam di hotel kami

"Malah, mereka juga turut diberi pilihan iaitu kadar RM95 itu juga boleh ditempah untuk dua bilik bagaimanapun hanya diperuntukkan buat satu malam sahaja.

"Selain itu, pelancong diberi peluang sama ada mereka boleh menambah pakej tersebut dengan harga yang sama dan menjadikan penginapan selama dua malam pada bilik yang sama.

"Lokasi Hotel Semabok Inn yang kurang menjadi tumpuan dan kesesakan orang ramai penting buat pelancong yang mengutamakan kedamaian bagi mengelakkan percutian mereka terganggu.

"Selain itu, perkhidmatan yang dijalankan hotel kami turut menyediakan fasiliti bilik mesyuarat bersesuaian bagi mereka yang ingin mengadakan sebarang program se-



HOTEL Semabok Inn terletak di 396, Jalan Semabok menawarkan pakej bersesuaian buat 'pemburu' makanan viral di Melaka.

perti seminar di Hotel Semabok Inn," katanya.

Menurut Celine, beberapa lokasi menarik disekitar kawasan hotel itu bersesuaian untuk pelancong menikmati beberapa juadah menarik dalam perjalanan sehariannya ketika berada di negeri bertuah ini.

Katanya, pihaknya telah menyediakan beberapa perjalanan lokasi menarik khas buat tetamu yang menginap di hotel terbabit bagi menjamin kepuasan terutama kepada 'pemburu' makanan tular di Melaka.

"Pada waktu pagi kami akan mencadangkan penginapan di hotel ini bagi menikmati sarapan pagi di Nasi Lemak Ujong Pasir atau boleh juga singgah di gerai Mee Rebus Pak Hassan terletak di Padang Temu.

"Malah pelbagai lagi saranan gerai-gerai menarik lain yang terletak tidak jauh dari hotel kami termasuk di Perhentian Kuih Kampong, Asam Pedas Pak Man, Putu Piring Bukit Beruang dan Kuih Keria Limbongan.

"Pada sebelah malam, mereka boleh singgah di gerai Burger yang terletak betul-betul di hadapan hotel kami," katanya.

Kaki Makan Food Trail

HOTEL SEMABOK INN MELAKA



**"Kaki Makan" Special Room Rate
Deluxe Twin Room RM 55* / Go Double @ RM95***

Sya +6010-2910879 / semabokinn@yahoo.com
www.hotelsemabokinn.com

CADANGAN lokasi buat pengunjung disediakan hotel terbabit bagi memperkenalkan beberapa lokasi makanan yang menjadi permata tersembunyi di Melaka.

Hotel Semabok Inn yang menerima pelbagai pengiktirafan saban tahun itu turut mementingkan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan bagi mencegah penularan COVID-19.

Antara penganugerahan yang diterima hotel yang dibina sejak 1997 itu antaranya 'Best 2 Star Hotel' daripada Tourism Melaka, Anugerah Top 50 Hotel di Melaka daripada Travelmyth Award 2020 serta pelbagai lagi.

Bagi pengunjung yang ingin menginap di hotel berkenaan boleh melakukan tempahan di laman web www.hotelsemabokinn.com atau

menghubungi di talian 010-2910879 (Sya) atau emel di semabokinn@yahoo.com.

 Sembabok Inn
MELAKA

Scan dan layari voucher
Enjoy kaki Makan



ANTARA jenis penginapan bilik yang ditawarkan bergantung kepada kadar yang ditawarkan.





NAMA Eul-yong disebut-sebut berada dalam radar Melaka United.

Mohamad Fazrul Abdul Majid

NASIB Zainal Abidin Hassan bersama Melaka United sudah hampir pasti menemui titik noktah apabila pihak pengurusan Persatuan Bolasepak Melaka United (MUSA) dikhaskan sudah memutuskan ikatan dengan bekas pemain legenda negara itu.

Menurut sumber dalam MUSA, melalui mesyuarat jawatankuasa khas yang diadakan pada Selasa lalu, difahamkan sudah ada kata sepakat untuk mendatangani ketua jurulatih baharu dalam masa terdekat.

Sumber itu turut menyebut antara nama yang kini berada pada senarai teratas ialah seorang jurulatih dari Korea Selatan yang tidak

didedahkan namanya.

"Buat masa ini pihak MUSA akan berunding lebih lanjut mengenai soal kontrak dan gaji yang akan ditawarkan kepada jurulatih Korea itu."

"Bagaimanapun jika rundingan menemui jalan buntu, MUSA turut bersedia dengan 'pelan B' iaitu menyenarai pendek dua lagi jurulatih tempatan."

"Boleh dikatakan nama Zainal Abidin Hassan kini sudah tiada lagi dalam perancangan pasukan," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Khabar angin mengenai nama jurulatih Korea Selatan itu kini sedang hangat diperkatakan oleh para penyokong skuad Hang Tuah.

Difahamkan jurulatih tersebut ialah Lee Eul-yong yang juga merupakan bekas pemain kebangsaan Korea Selatan, selain pernah menjadi pengurus sementara FC Seoul pada 2018.

Bagaimanapun sumber tersebut enggan mengesahkan mengenai khabar angin yang sedang bertiup kencang itu.

Mengulas mengenai pemilihan jurulatih 'K-pop' itu, kelab penyokong Demi Melaka United (DMU) memilih untuk menyerahkan segala keputusan kepada pihak pengurusan untuk menentukan hala tuju pasukan musim depan.

Bagaimanapun, wakilnya, Mohamad Odiyas Onan berharap pemilihan tersebut tidak akan memakan diri di masa akan datang terutama membabitkan soal kewangan.

"Kita tidaklah menghalang keputusan tersebut kerana mungkin dengan kedatangan jurulatih luar dapat mengubah corak permainan pasukan."

"Namun, pada masa sama kita khawatir jika keputu-

san itu boleh menimbulkan segala macam masalah terutama membabitkan perbelanjaan dan kewangan seperti yang berlaku sebelum ini," katanya ketika dihubungi MHI.

Menurutnya, adalah lebih baik jika pengurusan memilih jurulatih tempatan memandangkan peruntukan pasukan untuk musim depan mungkin bakal dikurangkan. Mohamad Odiyas berkata, antara nama jurulatih tempatan yang dilihat sesuai menyandang tugas itu ialah bekas pengendali Melaka United di pertengahan musim 2018 E. Elavarasan.

"Dari sudut pengalaman kita lihat inilah jurulatih yang paling sesuai kerana dia telah membuktikan kemampuannya sewaktu memimpin Melaka United dahulu."

"Lagipun, dengan kewangan yang terhad, pemilihan jurulatih tempatan dilihat lebih relevan, selain kebanyakannya mereka tidak memerlukan masa yang lama untuk menyesuaikan diri dalam saingan Liga Malaysia," katanya lagi.

Kecergasan pemain cetus kebimbangan Cheng Hoe



PERSEDIAN rapi pasukan pada 2019 menyaksikan skuad kebangsaan mencapai momentum terbaik hingga berjaya menduduki tangga kedua Kumpulan G selepas melakar kemenangan penting ke atas Indonesia dan Thailand. (Foto Sumber Internet)

TAHAP kecergasan pemain menjadi perkara pokok buat ketua jurulatih skuad Harimau Malaya Tan Cheng Hoe menjelang pusingan kedua kempeta Kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023 pada Mac tahun depan.

Cheng Hoe berkata kebimbangan tercetus kerana pemain negara ketandusan aksi kompetitif berikutnya tiada perlawanan antarabangsa selain aksi Liga Malaysia (Liga-M) dikurangkan serta pembatalan saingan Piala Malaysia musim ini.

Beliau berkata persediaan rapi pasukan pada 2019 menyaksikan skuad kebangsaan mencapai momentum terbaik hingga berjaya menduduki tangga kedua Kumpulan G selepas melakar kemenangan penting ke atas Indonesia dan Thailand.

"Sebagai jurulatih saya bimbang dengan situasi pasukan. Ia satu jurang (prestasi) besar kerana kita (Malaysia) masih ada tiga lagi perlawanan terakhir yang cukup penting tetapi tidak sekali pun kami menjalani latihan pusat atau bermain perlawanan antarabangsa pada 2020 ini."

"Sudah tentu kita risau keselamatan dan kesihatan pemain tetapi dalam bola sepak jika lama tidak beraksi memang boleh jeaskan keseluruhan prestasi. Ditambah dengan mental dan fizikal terganggu kerana liga banyak kali ditunda dan terpaksa buat latihan sendiri di rumah," katanya kepada Bernama.

Musim 2019 menyaksikan skuad Harimau Malaya merekodkan sembilan kemenangan dalam keseluruhan 13 perlawanan, termasuk aksi persahabatan Tier 1 sejak muncul naib juara Piala AFF 2018 dengan empat daripadanya menewaskan pasukan di ranking lebih tinggi.

Malaysia dijadual berdepan Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Vietnam masing-masing pada 25 dan 30 Mac, sebelum aksi terakhir menentang Thailand pada Jun tahun depan.

Dalam pada itu, Cheng Hoe mengakui kepadatan kalender 2021 mengambil kira saingan Liga-M yang membuka tirai pada Februari, menyaksikan kemungkinan pemain kebangsaan dapat dikumpulkan pada pertengahan Mac.

Cheng Hoe berkata situasi itu menambah cabaran dihadapinya dalam menyediakan pasukan terbaik tatkala pasukan lawan terutama UAE dan Vietnam telah memulakan persiapan lebih awal.

"Kalau fikir tugas ini susah, ya, memang susah tetapi sebagai jurulatih saya ambil ini sebagai cabaran dan perlu fikir secara positif. Kalau lihat pasukan lain telah buat persiapan cukup rapi dan baik, yang penting saya perlu ada keyakinan kepada pemain."

"Saya harap mereka (pemain) juga dapat menyediakan diri dalam keadaan fizikal dan mental yang terbaik untuk harungi jadual padat 2021 supaya mereka dalam keadaan bersedia sekiranya dipanggil menyertai kem latihan pusat," kata pengendali berusia 52 tahun itu. - BERNAMA

UTeM juara keseluruhan eSport Uni League 2020

Liana Sahabudin

UNIVERSITI Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dinobatkan juara keseluruhan Kejohanan eSport Uni League 2020 mendarului 67 institusi pengajian tinggi (IPT) lain.

Terdapat tujuh acara dipertandingkan iaitu Arena of Valor (AOV), Mobile Legend Bang Bang (MLBB), DOTA 2, Player Unknown Battleground (PUBG Mobile), FIFA 2020, PES 2020 dan Honor of King (HOK).

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim berkata, semua acara dipertandingkan secara dalam talian bagi mematuhi keperluan prosedur operasi standard (SOP).

Menurutnya, pasukan UTeM merangkul juara keseluruhan membawa pulang piala pusingan kejohanan selain tiga kejayaan bagi acara AOV iaitu tempat ketiga acara HOK dan tempat keempat acara PUBG Mobile.

"Selaku juara kategori AOV melayakkan pasukan UTeM membawa pu-

lang wang tunai RM3,000 bersama pingat, kedudukan ketiga membawa pulang wang tunai RM1,000 bersama pingat dan tempat keempat wang tunai RM 500 bersama pingat.

"Kategori AOV dianggotai lima mahasiswa UTeM terdiri Muhammad Ilyas Azahir, Wan Muhammad Firdaus Abdul Latip, Faisal Hakim Mohd Suhaidi, Muhammad Firdaus Azman dan Muhammad Ezzat Aizuddin Mohd Hussin," katanya.

Hadir sama, Pengarah Pusat Sukan UTeM, Prof. Madya Dr. Mohd Sanusi Azmi.

Jelas Raha, kejohanan itu menjadi medan bagi mahasiswa memulakan langkah pertama ke dunia e-sukan pada tahap lebih tinggi atau profesional.

"Ini merupakan anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Majlis Sukan Universiti Malaysia (MA-SUM) dan UTeM selaku tuan rumah kali ini," katanya lagi.

Naib juara keseluruhan Kejohanan eSport Uni League 2020 menjadi milik Universiti Malaysia Pahang (UMP), manakala tempat ketiga Universiti Tunku Abdul Rahman (UNITAR).

Kejohanan ini bermula 30 Oktober selama tiga minggu bagi pusingan awal, manakala perlawanan 'Grand Final' pada 21 hingga 22 November 2020 lalu.



PASUKAN UTeM juara keseluruhan bagi kategori AOV.

Sukan

MELAKA HARIINI

KOREA SELATAN JADI PILIHAN?

DESAS-desus mengenai siapa yang bakal menjadi jurulatih pasukan Melaka United (MU) hampir pasti menemui titik noktah selepas dikhabarkan jurulatih dari Korea Selatan antara calon yang bakal menduduki kerusi panas tersebut. **Lihat berita penuh di muka 23**



UTeM
جامعة ملaka
UNIVERSITATI TEKNOLOGI MALAYSIA MELAKA

KEJOHANAN E-SPORTS
UNI-LEAGUE 2020

CHAMPIONS
ARENA OF VALOR

FIRDAUS LATIP | EZZAT HUSSIN | ILYAS AZAHIR | FAISAL HAKIM | FIRDAUS AZMAN

AOV
ESPORTS
UNIVERSITY LEAGUE

TUAH
Yanggak | Uggak | Adapet | Hollak

UTEM JUARA ESPORT
UNI LEAGUE 2020

MS23

